

BAB II

FUNGSI MASJID MENURUT *AL-SUNNAH*

BAB 11

FUNGSI MASJID MENURUT *AL-SUNNAH*

2.1 Pendahuluan

Pembinaan masjid pada zaman Rasulullah *s.a.w* adalah merupakan satu rahmat dari Allah *s.w.t*, yang diilhamkan kepada Baginda Rasulullah *s.a.w* setelah menyeru manusia kepada agama Allah selama 13 tahun di Makkah dengan mendapat tentangan yang hebat daripada kaum kerabat dan musyrikin Makkah semata-mata untuk menerima kebenaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad *s.a.w*.

Apabila Nabi *s.a.w* diperintahkan untuk berhijrah ke kota Madinah, ternyata di sinilah tempat yang menjadi titik tolak perkembangan dan penyebaran agama Islam secara efektif berbanding dengan di Makkah. Jika di Makkah Nabi *s.a.w* menubuuhkan “*Dar al-Arqam*” sebagai pusat penyebaran dan dakwah agama Islam serta tempat menyatupadukan ikatan orang-orang Islam, akan tetapi berlainan pula dengan di Madinah dimana Nabi *s.a.w* telah menubuuhkan dan mendirikan masjid sebagai pusat penyebaran agama Islam dan menyatupadukan umat Islam setelah gagal

mendapat sembutan yang padu dari kalangan kaum dan bangsanya sendiri termasuk juga saudara dan kaum keluarga Baginda sendiri.

Dengan terdirinya masjid pertama dalam Islam dan juga masjid *al-Nabawi* yang diasaskan semata-mata atas dasar taqwa itu, telah memberikan satu nafas baru dalam perkembangan agama Islam yang akhirnya membawa kepada kejayaan yang amat cemerlang dan sekaligus membuka suatu lembaran baru dalam perjuangan Islam yang kukuh lagi kental. Maka bertolak dari sinilah kejayaan Islam di Madinah semakin terserlah apabila Nabi s.a.w mengambil langkah-langkah yang wajar dalam membentuk masyarakat Islam Madinah dengan berlandaskan tiga asas utama iaitu:-

- i. Mengasaskan institusi masjid.
- ii. Meletakkan asas persaudaraan.
- iii. Mengasaskan pembentukan negara.¹

Ketiga-tiga asas yang tersebut di atas seharusnya menjadi iktibar kepada umat Islam agar ia dapat dihayati dengan sepenuhnya dalam usaha mengembalikan peranan dan fungsi masjid pada masa kini. Masjid tidak akan mencapai matlamatnya yang sebenar jika pembinaannya untuk memenuhi kehendak masyarakat setempat semata-mata sebagai

¹Abdul Monir Yaacob, *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*, UKM. Bangi., 1986., hal. 23.

kemudahan mereka untuk menunaikan sembahyang pada hari dan waktu tertentu sahaja dan tidak pada yang lainnya, maka yang demikian itu sungguh merugikan umat Islam sendiri dan membawa kepada tanggapan yang negatif terhadap masjid disebalik pengertiannya yang sebenar. Menyedari akan hal ini, makanya asas yang dibentuk oleh Rasulullah *s.a.w* di atas, mestilah dijadikan garispandu atau asas pembentukan masjid dalam ertikatanya yang luas. Oleh yang demikian, pada merealisasikan pembentukan asas di atas, kita dapat melihat bagaimana kedudukan sebenar masjid pada zaman Rasulullah *s.a.w* yang menjadi contoh terbaik dalam membentuk masyarakat yang cinta kepada Allah dan Rasulnya, cinta kepada Islam, negara dan juga masjid.

2.2 FUNGSI MASJID *AL-NABAWI*

Setelah sempurnanya pembinaan masjid *al-Nabawi* di Madinah yang menjadi punca dan juga asas kepada kejayaan Islam, maka muncul bersamanya satu syiar Islam yang membawa kepada keunggulan sebuah kerajaan Islam pertama yang diasaskan sendiri oleh Rasulullah *s.a.w*, yang mana kesannya masih dapat dirasai dan dihayati oleh umat Baginda hingga ke hari ini.

Pembentukan masjid *al-Nabawi* ini telah berfungsi terus sebagai pusat ibadat, pusat pengajian Islam, pusat pentadbiran negara, pusat pertahanan negara, pusat permasyuaratan dan juga pusat bagi menyatupadukan umat dalam hal-hal agama dan dunia. Peranan dan fungsi masjid ini bukan sahaja berlaku pada zaman Rasulullah *s.a.w* sahaja, akan tetapi berterusan hingga ke zaman para sahabat *r.a.*

Dalam hal ini akan dijelaskan secara terperinci fungsi utama masjid *al-Nabawi*, agar ianya dapat memberikan kefahaman, faedah dan kemanfaatan kepada kita untuk diaplikasikan kepada masjid-masjid masa kini.

2.2.1 Pusat Pentadbiran Negara

Di antara asas dan langkah yang diambil oleh Rasulullah *s.a.w* dalam menguatkan dan mengukuhkan kedaulatan dan kedudukan agama Islam di Madinah ialah dengan mengasaskan pembentukan sebuah negara Islam yang pertama. Dengan terbentuknya sebuah negara ini, sudah pasti terbentuknya juga sebuah organisasi yang dipimpin oleh seorang pemerintah atau Imam yang mana pemerintah negara Islam yang pertama ialah Baginda Rasulullah *s.a.w* sendiri.

Dalam teori siasah Islam dan kajian mengenai negara Islam, menunjukkan bahawa agama tidak dapat dipisahkan dengan negara², kerana Islam tidak mungkin berkembang dengan cepat tanpa mewujudkan sebuah negara yang kuat dan mantap sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w di Madinah, yang mana masjid adalah menjadi pusat kepimpinan Baginda yang berpengaruh dalam membentuk masyarakat yang beriman kepada Allah dan Rasulnya, sebagaimana firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ هُنَّ الْمُكْرَمُونَ
تَرَعَّتُمْ فِي شَيْءٍ فَرَدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تَوَعَّدُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.³

Terj: Wahai orang-orang yang beriman, ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Uli'l-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kamudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quraan) dan (Sunnah) Rasulnya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

² Ibid., hal. 32.

³ S. al-Nisa' : A. 59.

Firman Allah Ta'ala lagi :

وَأَنْ أَحْكُمْ بَيْنَهُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَبْعَثْ أَهْوَاءِهِمْ.⁴

:

Terj: *Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka.*

Ayat yang tersebut di atas menjelaskan bahawa *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* tidak dapat dilaksanakan kecuali dengan adanya pemerintah untuk menjalankannya. Tanpa wujudnya pentadbiran Islam, keadilan Islam tidak akan dapat dibuktikan.⁵ Pemerintah atau Khalifah disebut juga sebagai "Imam" adalah orang-orang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah Allah di muka bumi ini. Firman Allah s.w.t :

وَإِذْقَالْ رَبُّكَ لِلْمُلْكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً.⁶

Terj: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang Khalifah di bumi".*

⁴ S. al-Mā'idah : A. 49.

⁵ Dr. Mahmud Saedon A.Othman, *Asas Dan Nilai Pentadbiran Dalam Islam*, Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam, 1994., hal. 58.

⁶ S. al-Baqarah : A. 30.

Tuntutan kepada kepimpinan dalam Islam dapat diperlakukan dalam masyarakat seperti dalam amalan mengerjakan sembahyang berjamaah yang dilakukan oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga ke hari ini. Dalam hal ini sudah pasti perlantikan Imam atau ketua menjadi kewajiban kepada umat Islam sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w bersabda:

إِذَا كَانُوا ثَلَاثَةٌ فَلْيَوْءُهُمْ أَحَدُهُمْ وَأَحَقُّهُمْ بِالإِمَامَةِ أَفْرُوهُمْ.⁷

Terj: *Apabila berada tiga orang di suatu kawasan maka hendaklah mereka melantik seorang daripada mereka untuk menjadi Imam(ketua), dan yang lebih berhak daripada mereka untuk menjadi Imam ialah orang yang baik bacaannya.*

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w bersabda:

إِذَا خَرَجُوا فِي سَفَرٍ فَلْيَوْءُهُمْ أَحَدُهُمْ.⁸

⁷ Muslim., *Sahīh.., Kitāb al-Masājid, Bāb Man Ahaqqu bi al-Imāmat..*, Beirut., cet. i., 1995., bil. 289/672., 1: 389.

⁸ Al-Sijistānī., *Sunan.., Kitāb al-Jihād, Bāb fi al-Qaūm Yusafirūn Yu'amirūn Ahaduhum..*, Kaherah., 1988., bil. 2608., 3: 37.

Terj: *Apabila tiga orang keluar rumah untuk satu perjalanan (musafir), maka hendaklah seorang di antara mereka dilantik sebagai ketua rombongan yang mengurusi mereka.*

:

Oleh yang demikian, ketua negara Islam adalah dengan sendirinya sebagai ketua agama sebagaimana yang berlaku pada diri Rasulullah s.a.w dan para Khalifah selepas Baginda s.a.w . Ini terbukti apabila peristiwa perlantikan atau pencalonan Abu Bakar menjadi khalifah, masyarakat Islam pada masa itu mengambil kira kerana beliau pernah disuruh oleh Baginda Rasulullah s.a.w semata-mata untuk menjadi Imam ketika Baginda sedang uzur. Apabila Imam menjadi satu kriteria penting dalam perlantikan seorang pemimpin dalam Islam, maka tidak hairanlah tugas sebagai Imam di masjid pada masa sekarang perlu diambil kira tentang kebolehan, ketokohan dan mempunyai akademik yang sesuai supaya dapat mengaplikasikan kepimpinan masjid yang berkesan kepada masyarakat setempat khususnya.

.....

Dalam mengkategorikan perlantikan dan kelayakan seorang pemimpin itu, yang penting dalam persoalan mengenal yang lebih layak ialah dengan mempestikannya. Caranya ialah terlebih dahulu hendaklah diketahui dan dipastikan, apakah tujuan jawatan tersebut. Ini bermakna, jawatan tersebut hendaklah dipastikan tujuan, tugas, bidang kuasa dan keperluan jawatan tersebut sebelum diisi atau sebelum seseorang itu dilantik untuk mengisinya. Selepas itu hendaklah diketahui dan dipastikan cara pemilihan dan perlantikan

bakal pemegang jawatan tersebut. Jika telah dapat dipastikan tujuan dan caranya maka sempurnalah urusan.⁹

:

Sehubungan dengan itu Allah s.w.t telah menjelaskan dalam al-Quran bagi menguatkan pernyataan di atas sebagaimana firmanya:

¹⁰ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَعْجَرَتِ الْقُوَىُ الْأَمِينُ.

Terj: Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil berkerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.

Dalam pada itu, agama Islam amat mementingkan peraturan dalam satu kumpulan dan selalu menggalakkan bagi menentukan kepimpinan mana-mana kumpulan menerusi pakatan serta bersafahaman untuk memilih salah seorang dari kalangan mereka yang mempunyai keistimewaan dengan sifat-sifat kepimpinan serta daya pemberi petunjuk

⁹ Dr. Mahmud Saedon A. Othman., *op cit.*, hal: 70.

¹⁰ S-al-Qiṣāṣ : A. 26.

dalam seluruh masalah dan urusan-urusan mereka.¹¹ Ini bererti kepimpinan adalah satu kewajiban dalam Islam bagi menjamin kewujudan dan kesatuan sesuatu kumpulan dan bagi meneruskan usahanya untuk mencapai matlamat dalam memuaskan kehendak-kehendak kumpulan serta individu. Oleh itu memberikan contoh teladan yang baik dalam tingkah laku dan mempunyai sifat sabar, amanah, adil dan sanggup berkorban adalah merupakan ciri-ciri kepimpinan yang baik dalam Islam dengan berlandaskan ajaran *al-Qurān* dan *al-Sunnah*. Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ . كُلُّ مُتَّسِعٍ عَنْ دِرَارِهِ أَنْ
¹² تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ .

Terj: Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebencianya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Firman Allah s.w.t lagi :

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ .¹³

¹¹ Datin Sohair Abdel Moneim Sery, *Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam, Satu Kajian Perbandingan dengan Penekanan Ke atas Konsepsi Kepimpinan Dalam Islam*, Kuala Lumpur., 1990., hal. 20.

¹² S. al-Saf' : A. 2-3.

¹³ S. al-Nisa' : A. 58.

Terj: *Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.*

Jika kita lihat kepada kepimpinan Rasulullah s.a.w, ternyata teori-teori tentang sistem pemerintahan yang dilakukan oleh Baginda adalah yang paling adil dan unggul serta tidak pernah dipertikaikan oleh sesiapa pun hingga ke hari ini. Perkara ini terbukti dengan jelas serta diakui oleh seluruh makhluk yang diri Rasulullah s.a.w itu adalah sebagai ikutan dan contoh tauladan yang baik bagi semua umat manusia sebagaimana disebutkan dalam *al-Qurān*:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرُ.¹⁴

Terj: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) di hari akhirat.*

Adapun sistem pemerintahan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam mentadbir negara Islam yang pertama ialah di atas sistem demokrasi dan musyawwarah yang mementingkan hak-hak manusia dan kewajiban-kewajibannya yang merangkumi soal-soal dunia dan akhirat.

¹⁴ S. al-Ahzab : A. 21.

Menurut Prof. Dr. Ahmad Shalaby¹⁵:

Islam telah menaruh perhatian besar terhadap urusan keagamaan dan urusan duniaawi, sebab agama Islam itu adalah "kepercayaan" dan disamping itu juga dia adalah "peraturan". Maka sebagaimana Islam menyeru orang agar beriman kepada Allah, Malaikat, Kitabnya, Rasul-Rasulnya dan Hari Akhirat, begitu juga sebagaimana Islam itu menetapkan lima buah dasar (rukun) bagi Islam, dia juga membuat peraturan-peraturan yang luas atau dapat diperluas tentang:

- i. Soal-soal rumah tangga, seperti: peraturan perkahwinan, talak, hak anak terhadap orang tuanya, hak orang tua terhadap anak.
- i. Soal-soal masyarakat, seperti gotong-royong (berkerja bersama-sama), peradilan, penyelesaian, perselisihan, persamaan.
- iii. Keadaan Islami, seperti minta izin, membalsas salam, menghormati orang lain, belajar, bantu-membantu, pertanggungan-jawab bersama, sistem mesyuarat dalam pemerintahan.
- iv Peraturan-peraturan tentang pergaulan sejagat, seperti peraturan-peraturan peperangan dan perjanjian-perjanjian.

¹⁵ *Masyarakat Islam*, Terj: Prof. Muchtar Jahja., Singapura., 1976., hal.104.

Dengan ini jelaslah apa yang terkandung dalam sistem pemerintahan Rasulullah *s.a.w* itu adalah cukup lengkap dan terbukti kejayaannya di mata masyarakat Islam dahulu dan sekarang. Kesemua ini telah pun terlaksana yang berpunca daripada terdirinya masjid sebagai pusat dan langkah pertama Rasulullah *s.a.w* dalam mengukuhkan kedaulatan syiar Islam yang suci.

Masjid yang dijadikan sebagai pusat pentadbiran negara pada zaman Rasulullah *s.a.w* telah banyak memainkan peranan yang penting dalam usaha menyatupadukan masyarakat Madinah mahupun masyarakat luar. Di masjid, Baginda mengadakan perjumpaan dan perbicaraan mengenai masalah kepentingan umah, mengatur kegiatan sosioekonomi umah dan memberi penjelasan hukum yang berkaitan dengannya. Dari segi hubungan antarabangsa pula Baginda menggunakan masjid sebagai tempat menerima tetamu daripada ketua-ketua kabilah dan wakil-wakil pemerintah negara asing. Umumnya Baginda *s.a.w* menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan Islam, kerana pada ketika itu semangat keislaman dan perkembangannya berpunca daripada masjid.

Dalam sejarah pembentukan negara Islam pertama¹⁶ cara Rasulullah s.a.w mengasaskan sebuah negara adalah berbeza daripada apa yang pernah berlaku di dalam sejarah. Baginda s.a.w menyusun perlambagaan terlebih dahulu sebelum mengasaskan sebuah pemerintahan. Langkah ini dapatlah dianggap sebagai satu sikap yang mempunyai pandangan yang jauh Baginda Rasulullah s.a.w dalam memahami keadaan persekitaran serta tabi‘at-tabi‘at manusia yang terlibat dalam negara baru ini. Mereka diikat terlebih dahulu dengan satu perjanjian yang kemas dan rapi sebelum dibawa bersama-sama ke dalam sebuah pemerintahan. Maka bertolak dari dasar inilah Baginda memimpin Madinah dan menjalankan polisi pemerintahan yang dijelaskan melalui tindakan-tindakannya dalam menyelesaikan masalah.

Penjelasan di atas membuktikan bahawa peranan dan fungsi yang dimainkan oleh masjid sangatlah luas dan menyeluruh berbanding dengan fungsi-fungsi masjid masa kini. Pada zaman sekarang kebanyakannya kegiatan sebuah negara Islam, sama ada yang beraliran sekularisme atau tidak, tidak dapat dilakukan dalam kompleks masjid kerana urusan pentadbiran sesebuah negara memerlukan berbagai bangunan serta banyak pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas-tugas mereka masing-masing. Ini bermakna bangunan masjid zaman sekarang mungkin tidak dapat menampung semua kegiatan seperti mana dahulunya. Apa yang terjadi pada masa kini ialah masjid hanya lebih merupakan tempat

¹⁶ Ahmad Ibrahim Sharif, *al-Daulah al-Islamiyah al-Ula*, Kaherah. 1965, hal. 69.

ibadat atau markaz bagi beberapa kegiatan sosial, kegiatan dakwah dan pendidikan sahaja. Namun bagitu, apa yang perlu dititik-beratkan pada masa sekarang ialah menanamkan dan menghidupkan konsep masjid di bangunan masjid itu sendiri dan juga institusi bangunan lain dalam sesebuah negara itu, supaya peranan dan fungsi masjid akan dapat dicapai dan dipraktekkan dengan sebaik-baiknya semata-mata untuk mendapat keredaan Allah s.w.t serta menepati *Sunnah* Rasulullah s.a.w.

2.2.2 Pusat Pendidikan

Sesungguhnya masjid di dalam Islam merupakan tempat yang paling penting dalam pembentukan individu muslim dan masyarakat Islam dalam setiap masa dan zaman sejak beberapa tahun lamanya.¹⁷ Sejarah pendidikan Islam juga membuktikan bahawa pendidikan di masjid itu mempunyai hubungan yang erat dengan pembangunan masjid. Ini kerana masjid itu dijadikan salah satu tempat yang asasi untuk menyiaran ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam, yang mana keadaan ini berjalan terus sepanjang tahun dan masa tanpa putus-putusnya di seluruh negara Islam.¹⁸

¹⁷ Abd Allah Qasim al-Wasyli, *al-Masjid wa Atharuh fi Tarbiyah al-Ajyal wa Muamarah A'dā' al-Islām 'Alaih*, Beirut, hal. 37.

¹⁸ Dr. Ahmad Shalaby, *Tarikh al-Tarbiyah al-Islām*, Kaherah, 1960. hal. 85.

Dalam sejarah awal Islam mengatakan masjid telah digunakan sebagai tempat pembelajaran dan pendidikan dari peringkat awal sehingga keperingkat yang paling tinggi. Dr. Ahmad Amin dalam bukunya “*Dhuha al-Islam II*”¹⁹ mengatakan:

Pada masa itu masjid adalah merupakan institusi pelajaran yang besar sekali. Masjid-masjid itu bukanlah merupakan tempat-tempat ibadat (khusus) semata-mata, bahkan banyak perkara lain yang dijalankan di situ.

Kenyataan di atas menunjukkan kepentingan masjid terhadap pendidikan yang meliputi berbagai lapisan masyarakat, iaitu dari peringkat kanak-kanak hingga kepada wacana intelektual di antara professor dan mahaguru, telah dilangsungkan di masjid-masjid. Daripada pengajaran ilmu al-Quran, Tafsir, *Hadīth* sehingga perdebatan intelektual dilakukan di masjid.²⁰ Kecemerlangan institusi masjid kepada masyarakat Islam khususnya adalah disebabkan terdapatnya pada fizikal masjid itu sendiri sebagai rumah Allah yang meliputi aspek kerohanian dan fizikal. Perkara ini dapat dilihat kepada wahyu pertama yang diturunkan kepada Baginda Rasulullah s.a.w menyatakan hubungan ilmu dengan keimanan dalam kehidupan manusia itu sendiri, sebagaimana Firman Allah s.w.t :

¹⁹ Terj: Osman bin Haji Khalid dan Mohd. Marzuki Hj Shafie., Kuala Lumpur, 1976, hal. 66.

²⁰ *Ibid*, hal. 19.

اقرأ باسم ربك الذى خلق. خلق الإننسن من علق. اقرأ وربك
 الأكرم. الذى علم بالقلم. علم الإننسن ما لم يعلم.²¹

:

Terj: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekelian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah bekunya. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Firman Allah s.w.t lagi :

²²يرفع الله الذين ءامنوا منكم والذين أتوا العلم درجت.

Terj: *Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat.*

وَمَنْزِلَاتٍ

Kewajiban dan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam adalah menjadi pegangan kepada umat Islam untuk selama-lamanya, kerana budaya ilmu itu adalah menjadi asas dan teras dalam pembangunan ummah yang perlu dikaitkan dengan konsep masjid secara

²¹ S. al-'Alaq : A. 1-5.

²² S. al-Mujadalah : A. 11.

umum dan bangunan masjid secara khususnya, kerana kemajuan umat Islam dalam semua bidang ilmu pengetahuan itu adalah satu kewajiban yang dituntut oleh Islam.

:

Pendidikan yang pertama sekali dilakukan dan diajarkan dalam sejarah awal Islam ialah mempelajari ilmu *al-Qurān* dan memahami kandungannya. Sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w:

أفضلكم من تعلم القرآن وعلمه.²³

Terj: *Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya.*

Al-Qurān adalah wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w secara beransur-ansur yang kebanyakannya diturunkan di dalam masjid iaitu tempat di mana Rasulullah s.a.w menyampaikan ayat-ayat yang diturunkan itu kepada para sahabatnya untuk pengetahuan dan hafalan serta ditulis oleh para sahabat pada ketika itu. *Al-Qurān* sebagai asas pendidikan utama yang mengandungi aspek-aspek yang mempunyai hubungkait dengan peraturan hidup manusia sejagat (syariat), akidah dan akhlak telah pun diajarkan oleh Rasulullah s.a.w di masjid. Kesemua pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w ini bertujuan untuk membentuk peribadi yang mulia, hidup

²³ Ibn Majah., *Sunan.., Al-Muqaddimat, Bab Fadl man Ta'alam al-Qurān wa 'Alamah.*, Kaherah., t.t. bil. 211., 1: 76-77.

bersaudara, berbuat baik dan berkasih sayang, berlaku adil dan amanah, sabar dan bertawakkal, jujur dan sanggup berjuang dalam jalan Allah dan bertaubat apabila melakukan kesalahan.

Sebenarnya jika kita perhatikan ruang lingkup pendidikan di dalam pandangan Islam tidaklah sempit. Ianya tidak terbatas pada pendidikan agama sahaja dan tidak juga

terbatas pada pendidikan duniawi semata-mata, akan tetapi kedua-dua pendidikan ini sangat-sangat dituntut oleh Islam. Allah s.w.t telah berfirman:

وَابْغُ فِيمَا عَاتَكَ اللَّهُ الدَّارُ الْأُخْرَةُ وَلَا تَسْ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغُ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ
لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ.²⁴

Terj: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bakalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian ni'matnya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

²⁴ S. al-Qiṣāṣ : A. 77.

Pendidikan Islam tidak mengabaikan persiapan seseorang untuk mencari kehidupannya dengan mempelajari beberapa bidang pekerjaan, industri dan sebagainya. Akan tetapi seseorang itu harus didedahkan kepada pendidikan yang menjurus ke arah kebahagiaan dunia dan juga akhirat. Ibnu Sina pernah berkata:

Bila seorang anak sudah selesai belajar al-Quran, menghafal pokok-pokok bahasa, setelah itu baharulah ia mempelajari apa yang akan dipilihnya menjadi bidang perkerjaannya, dan untuk itu haruslah ia diberi pertunjuk.²⁵

Tujuan utama dari pendidikan Islam ini dapat kita ambil sebagai satu pembentukan akhlak dan budi pekerti yang boleh menghasilkan generasi yang bermoral tinggi, laki-laki mahu pun perempuan, jiwa yang bersih, tahu erti kewajiban dan perlaksanaannya, menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan yang baik dan yang buruk, menghindari sesuatu perbuatan yang tercela kerana ia tercela dan mengingat Allah dalam setiap perkerjaan yang dilakukan. Syauqi, seorang penyair Arab pernah menulis yang berbunyi:

إِنَّ الْأُمَّةَ الْإِحْلَاقَ مَا بَقِيَتْ فَإِنْ هُوَ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبَا.

²⁵ Prof.Dr.Muhammad 'Athiyah al-Abrasy, *al-Tarbiyah al-Islamiyah, (Dasar2 Pokok Pendidikan Islam)*, Terj: Prof.H.Bustami A.Gani, Djohar Bahry L.I.S, Djakarta., 1970., cet. i, hal. 18.

Terj: "Sesuatu bangsa itu tetap hidup selama akhlaknya tetap baik ; Bila akhlak mereka rusak, maka lenyaplah bangsa itu".²⁶

Dari kata-kata Syauqi itu dapat difahamkan bahawa sebahagian besar pendidikan Islam itu adalah lebih mengutamakan soal-soal akhlak, kerana untuk mencapai suatu akhlak yang sempurna itu adalah tujuan sebenarnya dari pendidikan.

Para ahli pendidikan Islam telah sepakat²⁷ bahawa maksud dari pendidikan dan pengajaran bukanlah memenuhi otak anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu yang belum mereka ketahui, tetapi maksudnya ialah mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanamkan rasa fadhilah (keutamaan), membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka kepada kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur.

Dalam Islam sistem pengajian awalnya adalah bermula di masjid-masjid, sebagaimana juga tercatat dalam sejarah ianya disebut sebagai "*Kuttāb*"²⁸ (tempat untuk

²⁶ *Ibid*, hal. 108.

²⁷ *Ibid*, hal. 15.

²⁸ Dr.Ahmad Shalaby, *op cit*, hal. 19. Sistem *Kuttāb* ini telah wujud di negeri Arab sebelum datangnya agama Islam, tetapi ianya belum terkenal lagi. Di antara penduduk Makkah yang mula-mula belajar menulis huruf Arab ialah Sufian Ibn Umaiyyah Ibn 'Abd Syams dan Abu Qais Ibn Abdi Manaf Ibn Zuhrah Ibn Kilab. Guru yang mengajar ialah Bisyr Ibn 'Abd al-Malik.

memberi pelajaran rendah), pelajaran yang diajarkan di sini adalah meliputi dari belajar membaca, menulis, bacaan al-Qurān, menghafal *Hadīth*, belajar sembahyang dan pelajaran jasmani. Perkataan “*Kuttab*” ini diambil dari kata “*Taktib*” (mengajar menulis).²⁹ Dalam “*Lisān al-Ārab*”, *Kuttab* itu ialah tempat memberi pelajaran menulis.³⁰ Ini menguatkan lagi bahawa “*kuttab*” itu biasanya untuk mempelajari menulis dan membaca.

Ahli bahasa berbeza pendapat tentang pengertian asal perkataan “*kuttab*” ini. Menurut kamus “*Lisān al-Ārab*”, *kuttab* ialah tempat kanak-kanak belajar, kata *jama’nya* disebut dengan *Katatib* dan *Makatib*. Menurut al-Mabarrid pula; *Maktab* itu ialah tempat belajar, dan *Muktab* ialah guru yang mengajar, sedangkan *Kuttab* ialah kanak-kanak yang belajar.³¹ Oleh itu perkataan *Kuttab* dan *Maktab* digunakan untuk merujuk kepada tempat kanak-kanak belajar.³²

Dalam hal ini Dr.Ahmad Amin mengambil kesimpulan bahawa fungsi sebenar *Kuttab* itu sebagai berkata:

²⁹ *Ibid*, hal. 23.

³⁰ Ibn Manzur., *Lisān..*, hal. 3817.

³¹ *Ibid*.

³² *Ibid*.

Di antara maktab-maktab (kuttab-kuttab) itu ada yang mengajarkan memulis, membaca serta al-Quran, dan setengahnya ada pula yang mengajar bahasa dan lain-lain sebagainya.³³

;

Adapun guru-guru yang mengajar di *Maktab* ini kebanyakannya mengajar secara sukarela dan tidak mengambil apa-apa upah.³⁴ Walau bagaimana pun terdapat juga sebahagian kecil dari mereka yang mengambil upah atau mengenakan bayaran, dan di antara mereka ada yang mengambil roti dari kanak-kanak sebagai upahan mereka.³⁵ Imam Syafi'i pernah menceritakan katanya:

Saya adalah seorang anak yatim, saya dipelihara oleh ibu saya, ibu telah menghantar saya ke Maktab, tetapi ibu tidak mempunyai sesuatu untuk diberikan kepada guru. Bagaimanapun guru saya bermurah hati dan saya disuruhnya mengantikannya sewaktu ia keluar. Selepas saya selesai mengkhatham al-Quran saya pun meneruskan pelajaran saya di masjid. Saya mendampingi ulama-ulama dan saya mendengar perbincangan dan masalah yang ditimbulkan serta menghafaznya. Ibu tidak mempunyai sesuatu untuk diberikan kepada saya untuk membeli kertas jadi apabila saya menemui ketul-ketul tulang saya mengambil dan menulis di atasnya.³⁶

³³ *Op cit.*, hal. 65.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*, hal. 66.

Dari cerita dan pengalaman yang dialami oleh Imam Syafi'i itu menjelaskan dengan nyata peranan guru dalam memberikan pendidikan kepada murid-muridnya dan menggunakan *kuttāb-kuttāb* di masjid-masjid sebagai tempat menuntut ilmu. Dalam pada itu mengambil upah atau mengenakan bayaran oleh pendidik itu adalah harus selagi ianya tidak bertentangan dengan Islam. Menurut Prof.Dr.Ahmad Shalaby³⁷ terdapat dua fakta yang tersimpul di dalam perkara ini:

1. *Sudah sejak masa permulaan Islam telah ada beberapa orang Islam diminta untuk memberikan pelajaran di masjid-masjid, mengajarkan kepada para pendengarnya sesuatu hal yang tidak dimaksudkan untuk berkhidmat kepada ilmu pengetahuan dan tidak untuk mencari keridaan Tuhan. Kerana itu tidak ada yang akan mendorong seorang guru untuk melakukan tugasnya itu kecuali jika ditentukan upah meterial baginya.*
2. *Kaum muslimin telah menggunakan banyak tenaga-tenaga dari luar kalangan Muslimin untuk berkhidmat dalam bidang ilmiah, dan untuk bekerja terutama dalam menterjemahkan buku-buku ke dalam bahasa Arab. Mereka ini antara lain ialah: Yuhanna bin Masawaih, Jibril bin Bakhtisyu, Hunain bin Ishaq dan lain-lainnya. Mereka ini menerima gaji yang tinggi untuk perkerjaan tersebut.*

Daripada dua fakta di atas dan beberapa bukti yang terdahulu menyebabkan timbulnya fikiran untuk memberikan gaji kepada mereka yang berkhidmat kepada ilmu

³⁷ *Op cit.*, hal. 193.

pengetahuan dan yang mengambil bahagian dalam mempertinggi taraf kebudayaan.³⁸

Walau bagaimanapun masih banyak terdapat para ulama dan orang-orang zuhud, yang sentiasa mengikuti jejak Nabi s.a.w dan sahabat-sahabatnya dalam mengajarkan ilmu pengetahuan itu semata-mata untuk berkhidmat kepada ilmu dan mencari keredaan Allah

s.w.t.

Sesungguhnya pendidikan di masjid-masjid ternyata menjadi satu tradisi yang diwarisi dari sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga ke masa sekarang. Dalam masa pemerintahan kerajaan Bani Umayyah masjid Basrah merupakan sebagai pusat bagi kegiatan ilmu pengetahuan pada masa itu. Terdapat beberapa kumpulan seperti Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan Kumpulan Muktazillah telah menggunakan masjid sebagai tempat pembahasan tentang ilmu Kalam. Disamping itu terdapat juga kumpulan-kumpulan yang membincangkan soal-soal Puisi dan Sastera di masjid. Sebagai contoh al-Tabari ketika mengunjungi negeri Mesir pada tahun 253 H³⁹, beliau telah merencanakan sajak-sajak penyair *Turammah* di masjid Amrū Ibn al-Āṣ. Walau bagaimanapun orang ramai tidak merasa pelik kerana ianya dilakukan di masjid-masjid, sekalipun sajak-sajak yang diperdengarkan itu adalah yang bertemakan *Ghazāl*.⁴⁰ Dari kenyataan ini

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Dr. Ahmad Amin., *op cit.*, hal. 67.

⁴⁰ *Ghazāl* ialah sajak-sajak yang menceritakan tentang cinta dan wanita.

membuktikan bahawa masjid merupakan tempat yang paling berperanan dalam mengembangkan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dan iktiviti-iktiviti yang behubungkait dengan kesejahteraan ummah.

Dalam sejarah Islam perkembangan sekolah-sekolah secara berasingan telah muncul dan diketahui selepas tahun 400H iaitu tahun 459H,⁴¹ di mana kota Baghdad merupakan negara pertama yang mendirikan sekolah yang diasaskan oleh Nizamul Mulk⁴² seorang menteri bangsa Saljuk. Sekolah-sekolah itu dikenal dengan nama “Sekolah Nizamiah”⁴³ iaitu mengambil sempena nama pengasasnya. Sekolah-sekolah ini amat tinggi mutu dan nilainya, lagi tersiar dengan luas di tiap-tiap kota dan desa di Baghdad.

Kegemilangan institusi masjid sebagai pusat pendidikan tinggi dan rendah dalam dunia Islam telah terbukti di mana banyak masjid-masjid yang besar di dunia ini umpamanya masjid al-Haram Mekah, masjid al-Nabawi Madinah, masjid al-Azhar, masjid ‘Amrū Ibn al-‘Āṣ Mesir, masjid Basrah, masjid kufah dan lain-lain lagi yang boleh dianggap sebagai sekolah-sekolah atau universiti-universiti pada zaman sekarang ini. Keupayaan masjid-masjid ini telah banyak menghasilkan ulama-ulama dan bijak pandai

⁴¹ *Ibid.*, hal. 64. Lihat juga Dr. Ahmad Syalabi., *op cit.*, hal. 18.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*, hal. 87.

yang terkemuka dan termasyur dalam dunia Islam dalam berbagai bidang dan ilmu pengetahuan seperti para sahabat dan para tabi'yn. Di antara tokoh-tokoh terkemuka Islam yang menunjol ialah seperti Imam Malik, Abu Hanifah, Syafi'i, Ahmad Ibn Hambal, al-Ghazali dan lain-lainnya membuktikan sebagai orang-orang yang berjaya memainkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan yang terulung di dunia ini. Di kota Madinah pula terdapat seorang tokoh dan pakar dalam ilmu fiqah iaitu Rabiah al-Rakyi.⁴⁴ Beliau seorang tenaga pengajar yang mengajar di masjid Madinah. Di antara muridnya yang terkenal ialah Malik Ibn Anas, al-Lais Ibn Saad dan Yahya Ibn Sa'id al-Qasan.⁴⁵ Beliau meninggal pada tahun 136H. Tempat beliau telah diganti oleh muridnya Malik Ibn Anas.

Selain itu banyak lagi tokoh atau ulama Madinah yang muncul dalam bidang-bidang ilmu pengetahuan lain, seperti Muhammad Ibn Omar al-Waqidi⁴⁶ yang dianggap sebagai pakar ilmu sejarah. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang peperangan, sejarah hidup, sejarah pembukaan, serta perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam *Hadith-Hadith* serta hukum, disamping itu beliau juga terkenal dalam bidang penulisan kitab-kitab berhubung dengan sejarah.

⁴⁴ *Ibid.*, hal. 94.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*

Dalam era perkembangan ilmu pengetahuan yang mantap, pemikir-pemikir Islam telah melangkah ke satu tahap perkembangan kemajuan dunia ilmu yang produktif dan profesional iaitu dalam usaha mendorong para pelajar atau mahasiswa untuk melanjutkan pembahasan ilmiah dan pelajaran mereka dengan mewujudkan perpustakaan-perpustakaan dalam dunia Islam, seperti di masjid-masjid, sekolah-sekolah, gedung-gedung pendidikan dan Darul Hikmah⁴⁷, yang diisikan dengan berbagai jenis buku atau kitab sebagai rujukan untuk digunakan oleh para siswa, ulama, pengkaji-pengkaji, pembaca-pembaca dan sebagainya.

Apabila muncul zaman pemerintahan Abbasiyah perkembangan ilmu semakin bertambah di mana kebolehan para ilmuan Islam semakin terserlah dengan lahirnya gerakan penulisan dan terjemahan, di samping terdapatnya perusahaan pembuatan kertas diikuti pula dengan munculnya buku-buku dan tempat-tempat yang menjadi tumpuan ulama-ulama dan sasterawan untuk mengikuti dan memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan, maka lahirlah beberapa perpustakaan pada masa itu yang penuh dengan berbagai-bagai buku ilmu pengetahuan. Di antara perpustakaan yang terbesar pada ketika itu ialah Khazanah al-Hikmah atau dikenali dengan "*Bait al-Hikmah*".⁴⁸

⁴⁷ Dr. Muhammad 'Athiyah al-Abrasy., *op cit.*, hal. 92.

⁴⁸ Dr. Ahmad Amin., *op cit.*, hal. 76.

Menurut Dr.Ahmad Amin, sejauh yang kita ketahui bahawa pengasas pertama perpustakaan ini ialah Khalifah Harun al-Rasyid, kamudian dibesarkan dan dikemaskan oleh Khalifah al-Ma'amūn”⁴⁹

Pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid Khazanah al-Hikmah ini adalah merupakan tempat simpanan buku-buku yang diselenggarakan oleh seorang ketua dengan dibantu oleh beberapa orang penolongnya. Di sini juga, buku-buku yang ditulis dalam bahasa Greek, Parsi⁵⁰ disalin dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Ini juga menunjukkan pentadbiran perpustakaan yang bersistematis telah pun wujud sejak sekian lama lagi.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'amūn pula didapati beliau seorang yang sangat cenderung dalam bidang falsafah dan ilmu pengetahuan yang bercorak akal fikiran. Ini menambahkan lagi perkembangan *Bait al-Hikmah* sebagai perpustakaan unggul dalam dunia Islam. Bahkan *Bait al-Hikmah* adalah Universiti Islam yang pertama sekali tempat berkumpulnya ulama-ulama dan penyelidik-penyalidik ilmiah, pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa. Selain itu *Bait al-Hikmah* juga merupakan pusat ilmu pengetahuan yang pertama yang menyumbangkan ilmu pengetahuan sebanyak mungkin

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid*, hal. 77.

kepada penuntut-penuntut terutama sekali dalam bidang ilmu kedoktoran, Filsafah, Hikmah dan lain-lain.⁵¹

Berdasarkan kepada fakta di atas jelaslah perkembangan pendidikan yang diasaskan melalui masjid telah berkembang luas sehingga kebanyakan institusi-institusi pendidikan terpaksa diasingkan daripada masjid. Fenomena ini menunjukkan betapa peranan dan fungsi masjid itu kepada pendidikan amatlah berjaya sekali di samping sebagai satu cara yang boleh memakmurkan masjid.

2.2.3 Markas Ketenteraan Dan *Al-Riyadah*

Di antara peranan Masjid dalam mengukuhkan dan mempertahankan kedaulatan agama Islam dan negara pada zaman Rasulullah *s.a.w*, Baginda telah meletakan masjid *al-Nabawi* di Madinah sebagai *markaz* pentadbiran ketenteraan dan *al-Riyadah* yang berkesan bagi menyatupadukan masyarakat Madinah dalam usaha menjadikan kota Madinah sebagai tempat yang aman tenteram daripada ancaman musuh dari dalam dan luar negara. Di samping itu, masjid juga dijadikan pusat *riyadah* umat Islam Madinah kerana ianya mempunyai hubung kait dengan soal-soal ibadat dan ketenteraan di samping

⁵¹ Dr. Ahmad Shalabi, *op cit*, hal. 143.

bagi mengujudkan individu muslim yang mempunyai tubuh badan yang sihat dan mental yang cerdas.

Rasulullah *s.a.w* adalah seorang ketua turus tentera yang tertinggi dan agung di dalam Islam. Baginda telah mentadbir, mengatur dan merancang beberapa strategi peperangan selaras dengan teori-teori ketenteraan, undang-undang peperangan dan perjuangan kemanusiaan yang paling tinggi dan paling moden, malah yang lebih baik dari itu. Baginda telah melaksanakan secara praktikal tugas-tugas ini di masjid Baginda sendiri sebagai usaha dan persediaan awal Baginda dalam melatih perajurit-perajurit Islam untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku terhadap keselamatan Islam, bangsa dan negara. Komitmen serta tanggungjawab Baginda ke arah ini adalah menjadi dasar pemerintahan Baginda yang utama di Madinah, di samping dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islamiah ke seluruh semenanjung tanah Arab.

Pada kelazimannya, kelemahan dan kekuatan sesebuah negara itu terletak kepada kebijaksanaan pemimpinnya dalam mencari inisiatif tersendiri yang inovatif. Dalam hal ini Baginda Rasulullah *s.a.w* telah berjaya membentuk masyarakat Islam Madinah dalam dua

asas penting pendidikan ketenteraan iaitu pendidikan rohaniah dan pendidikan jasmaniyyah.⁵²

a. Pendidikan Rohaniah

Pendidikan ini adalah yang sangat penting dalam membentuk sesuatu masyarakat sebagai langkah memberi dan menanam keyakinan terhadap agama Allah dan Rasulnya dijiwa masyarakat itu sendiri. Dengan tertanamnya keyakinan ini akan menimbulkan semangat juang yang komplit bagi menuju kepada jihad ke jalan Allah kerana semata-mata untuk mendapat keridaannya di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Pendidikan ini adalah bertujuan untuk mengikat hubungan antara tentera dengan Allah s.w.t melalui jalan apa yang diwajibkan ke atas mereka adalah merupakan suatu ibadat dan bakti untuk taat kepada Allah s.w.t.⁵³

Sesungguhnya Islam telah meletakkan satu metodologi pendidikan yang berkesan dan sempurna demi untuk menjadikan seseorang itu melaksanakan tujuan sebenar hidup di dunia ini semata-mata untuk akhirat iaitu jalan yang menghubungkan kehidupan yang

⁵² Dr. Muhammad al-Sayid al-Wakil., *al-Madinah al-Munawwarah 'Asimat al-Islam al-Ula*, Jeddah., 1989., cet.ii., hal.109.

⁵³ *Ibid.*, hal.110.

abadi. Oleh itu Rasulullah *s.a.w* mengajak orang Islam supaya bangkit dan berjihad ke jalan Allah sebagaimana sabdanya:

واعلموا أن الجنة تحت ظلال السيف.⁵⁴

Terj: *Dan ketahuilah bahawa syurga itu terletak di bawah bayang-bayang pedang.*

Hadis di atas merupakan satu pendorong kepada masyarakat Islam Madinah supaya berani tampil kehadapan untuk mempertahankan agama Allah dan tanahair mereka yang sama-sama mereka cintai. Di samping itu ianya sebagai jaminan daripada Rasulullah *s.a.w* untuk memberi keyakinan dan motivasi kepada masyarakat Islam akan betapa besarnya ganjaran dan balasan yang tidak ternilai bandingannya iaitu syurga yang penuh dengan kenikmatan khusus bagi mereka yang menyahut seruan jihad ke jalan Allah itu. Firmān Allah *s.w.t*:

وجوه يومئذ ناعمة. لسعٍ فيها راضية. في جنة عالية. لا تسمع فيها
لغة. فيها عين حاربة. فيها سرر مرفوعة. وأكواب موضوعة.
ونمارق مصفوفة. وزرابي مبتونة.⁵⁵

⁵⁴ Al-Bukhārī, *op cit.*, *Kitāb al-Jihād wa al-Sīyār*, *Bāb al-Jannat Taht Bāriqat al-Suyūf*, Beirut., 1997., cet.i., Bil. 2818., 2 : 872.

⁵⁵ S. Al-Għaşiyyah : A. 8-16.

Terj: (Sebaliknya) muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri, berpuas hati dengan balasan amal usahanya (yang baik, yang telah dikerjakannya di dunia), (Mereka tinggal menetap) di dalam syurga yang tinggi (tempat kedudukannya dan darjatnya). Mereka tidak mendengar di situ sebarang perkataan yang sia-sia, Di dalam Syurga itu ada mata air yang mengalir; Di situ juga ada Pelamin-pelamin (berhias) yang tinggi (tempatnya), Dan piala-piala minuman yang disediakan (untuk mereka), Dan bantal-bantal yang teratur (untuk mereka berteleku atau bersandar), Serta hamparan-hamparan yang terbentang.

Selain itu Allah s.w.t juga telah menjanjikan syurga sebagai penghargaannya yang khusus bagi orang-orang yang mati syahid dan yang berkorban dengan harta dan nyawa mereka ke jalan Allah, sebagaimana firman Allah s.w.t:

⁵⁶ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ هُمُ الْجَنَّةُ.

Terj: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.

Firman Allah Ta'ala lagi:

وَلَا تَحْسِبُنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ
يَرْزَقُونَ فَرِحِينٌ بِمَا عَطَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيُسَبِّحُونَ بِالَّذِينَ لَمْ

⁵⁶ S. Al-Taubah : A. 111.

يلحقوا هم من خلفهم ألا خوف عليهم ولا هم يحزنون. يستبشرون
⁵⁷ بسم الله وفضل وأن الله لا يضيع أجر المؤمنين.

Terj: *Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbumuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) disisi tuhan mereka dengan mendapat rezeki; (Dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal dibelakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iaitu) bahawa tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduka cita. Mereka bergembira dengan balasan ni'mat dari Allah dan limpah kurnianya; Dan (ingatlah), bahawa Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang beriman.*

Bagitulah ajaran Islam yang mendidik umatnya dengan penuh keyakinan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Mereka telah dilengkapi dengan kelengkapan yang sempurna bagi menentang musuh-musuh Allah. Ianya juga, mengajar mereka bahawa kehidupan di dunia merupakan medan tempat digunakan untuk berbakti kepada Allah dengan berbuat kebajikan, amalan-amalan yang baik dan soleh. Manakala sebaliknya kehidupan di akhirat itu adalah sebenar-benarnya kehidupan yang wajib ke atas orang-

⁵⁷ S. Ali 'Imrān : A. 169-171.

orang mukmin untuk berjihad dan mendapat nikmat daripadanya kelak kerana semudah-mudah jalan untuk sampai ke arah itu ialah menjadi syahid dalam jalan Allah s.w.t.

:

Sebenarnya kebijaksanaan yang terletak di atas asas rohaniah dan tawakkal kepada Allah itulah mendarangkan kejayaan kepada Baginda Rasulullah s.a.w pada membentuk dan mendidik masyarakat Islam yang cemerlang, kerana Islam menghendaki pejuang-pejuangnya supaya menggunakan akal dan bertawakkal kepada Allah s.w.t.

b. Pendidikan Jasmaniah

Pendidikan jasmaniah ala ketenteraan pada zaman Rasulullah s.a.w adalah merupakan suatu latihan fizikal yang dilakukan di dalam dan juga di luar masjid. Latihan ini sangat penting bagi membuktikan secara praktikal kesungguhan dan kepekaan serta komitmen seseorang dalam menampilkan diri sebagai tentera yang berkebolehan dalam melakukan apa-apa juga perkara yang bersangkutan dengan persiapan di dalam tentera bagi tujuan menghadapi musuh-musuh. Dalam hal ini Allah telah memerintahkan supaya sentiasa bersiap sedia untuk mempertahan kedaulatan Islam dan umatnya sebagaimana firmannya:

وَأَعْدُوا لَهُم مَا سُتُّمْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تَرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوكُمْ وَعَادِرِينَ مِنْ دُوَّنِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تَنْفَقُوا مِنْ
شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوفِي إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَظْلَمُونَ.⁵⁸

Terj: *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasananya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.*

Ayat ini memerintahkan supaya kita berperang, sehingga fitnah terhadap agama tidak ada lagi . Soalnya bagaimana untuk menghadapi perang itu ?..... Dalam ayat tersebut di atas telah menjelaskan dan mengajar bagaimana cara-cara menghadapi peperangan. Allah s.w.t mengajar supaya kita sentiasa berwaspada dan bersiap sedia dengan segala macam alat senjata yang ada bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang berlaku. Ini bererti jika pada zaman Rasulullah s.a.w orang-orang Islam berperang dengan menggunakan alat-alat perang seperti pedang, tombak dan anak panah, tetapi pada zaman sekarang sudah pesti manusia khususnya umat Islam menggunakan senjata-senjata yang canggih dan sofistikated seperti bom, nuklear, senapang dan sebagainya. Oleh itu berbalik kepada ayat tersebut tadi mengingatkan supaya kita senantiasa bersiap terus menuruti

⁵⁸ S. Al-Anfal : A. 60.

perkembangan persenjataan itu. Kalau di lihat peralatan-peralatan perang pada zaman awal Islam ternyata kenderaan kuda sebagaimana juga disebutkan dalam al-Quran sangatlah penting bahkan masih lagi berpontensi hingga pada masa sekarang. Sebab itu Allah *s.w.t* menyuruh kita supaya menjaga dan memelihara kuda-kuda dalam erti kata yang luas dengan baik agar ia dapat digunakan dan dimanfaatkan apabila datang keadaan secara tiba-tiba. Peringatan Allah ini adalah menjadi panduan kepada kepimpinan Rasuhullah *s.a.w* dalam membentuk kontinen perang Islam untuk membuat persiapan awal dalam menghadapi musuh dengan mengadakan latihan-latihan yang berbentuk fizikal dan mental secara berterusan dan berterang-terangan. Latihan-latihan ini dilakukan adalah bertujuan memperlihatkan kekuatan tentera-tentera Islam dengan secara langsung bagi menakut-nakut dan menggentarkan musuh, kerana dengan cara menunjukkan kecekapan dan kekuatan peralatan perang dan kekuatan bala tentera yang canggih itu menyebabkan musuh-musuh akan berfikir panjang sebelum melakukan sebarang serangan kepada sesuatu tempat dan negara itu.



Sesungguhnya agama Islam sangat peka kepada pembangunan latihan jasmani ini khusus kepada para tentera dan belia Islam. Jika di lihat sejarah penaklukkan negeri Iraq oleh Saiyidina Sa'd Ibn Abu Waqqas, beliau telah membuat rancangan untuk mendirikan kota Kufah. Setelah rancangan ini dikemukakan kepada khalifah Saiyidina 'Umar Ibn al-Khattab maka beliau pun sangat menyetujui. Cuma beliau menambah, bahawa di samping

mendirikan sebuah masjid *Jami'* hendaklah pula dibuat satu kawasan lapang tempat para pemuda melakukan latihan-latihan perang. Latihan memanah, melemparkan tombak, bermain pedang dan berkuda.⁵⁹ Di antara ucapan beliau yang mashur ialah:

*Ajarkanlah kepada anak-anak kamu berenang, memanah
dan menunggang kuda.*⁶⁰

Pendidikan yang ditekankan oleh Saiyidina ‘Umar *r.a* itu adalah merupakan lanjutan daripada pendidikan yang dibuat oleh Rasulullah *s.a.w* kepada para tentera Islam Madinah. Ianya bukan sahaja merupakan satu perkara yang baharu tetapi merupakan satu perintah dari Allah *s.w.t* dalam al-Quran sebagaimana yang telah disebutkan. Jika di lihat pada zaman sekarang beberapa negara di dunia ini telah mempraktikkan pendidikan ini di kalangan para belia mereka yang berumur antara 18 tahun ke atas untuk mengikuti program ketenteraan yang disebut disesuatu tempat itu sebagai “*Nasional Service*” dalam masa dua ke tiga tahun bagi tujuan memperkenalkan kepada meraka cara-cara menggunakan peralatan perang dan juga ilmu ketenteraan termasuk latihan-latihan

⁵⁹ Hamka, Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah., *Tafsir al-Azhar*, Singapura., 1984., Juz.10., hal.2796.

⁶⁰ *Ibid*. Lihat juga Dr Muhammad Sayid al-Wakil., *op cit*, hal. 112. Lihat Juga, Dr. Muhammad 'Atiyah Al-Abrasyī., *op cit*, hal. 163.

sebagai asas persiapan awal bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dan juga untuk sama-sama mempertahankan negara.

;

Sebenarnya agama Islam telah melaksanakan lebih awal tuntutan ini semata-mata menyalut seruan Allah *s.w.t* yang mana telah menjadi kewajiban kepada seluruh umat Islam. Maka dalam hal ini Rasulullah *s.a.w* telah merealisasikan dan mempraktikkan pendidikan jasmaniah ini kepada setiap individu masyarakat Islam Madinah. Baginda telah memerintahkan setiap orang Islam supaya belajar memanah (menembak), menunggang kuda, berenang, mengikuti perlawanan-perlawanan antara tentera berjalan kaki dengan penunggang kuda, dan Baginda telah menetapkan perlawanan-perlawanan ini sebagai dasar dan aktiviti-aktiviti harian bagi menunjukkan dan menzhirkan kekuatan orang-orang Islam serta melihat keberhasilannya.⁶¹ Ketegasan Rasulullah *s.a.w* pada mempraktikkan latihan-latihan ini kepada masyarakat Islam Madinah telah tersebut di dalam beberapa hadis Baginda misalnya dalam hal memanah atau menembak, Rasulullah *s.a.w* bersabda:

من علم الرمي ثم تركه، فليس منا، أو قد عصى.⁶²

⁶¹ *Ibid.*

⁶² Muslim, *op cit*, *Kitab al-Imaraq*, *Bab Fadl al-Ramy wa al-Hith 'Alaih*, bil. 169/1919., 3 : 1209.

Terj: *Barang siapa mengetahui ilmu memanah (menembak), lalu ditinggalkannya, maka dia bukan dari golongan kami, atau dia benar-benar berbuat maksiat.*

Sabda Rasulullah s.a.w lagi:

وأعدوا لهم ما تستطعتم من قوة. ألا إن القوة الرمى. ألا إن القوة
الرمى. ألا إن القوة الرمى.⁶³

Terj: *Dan persiapkanlah untuk menghadapi mereka, suatu kekuatan apa sahaja, yang kamu sanggupi. Ketahuilah, bahawa kekuatan itu memanah (menembak) !, Ketahuilah, bahawa kekuatan itu memanah (menembak) !, Ketahuilah, bahawa kekuatan itu memanah (menembak) !.*

Komitmen Baginda kepada pasukan pemanah atau penembak tentera Islam dalam hadis di atas sangatlah bermakna kepada institusi pertahanan negara kerana ia menunjukkan semangat juang yang tinggi dan komplit bagi menghadapi sebarang musuh dan keadaan yang datang secara tiba-tiba. Langkah kewaspadaan Baginda ini sering diperingatkan dan diucapkan oleh Baginda kepada umat Islam terutama sekali di masjid sewaktu menyampaikan khutbah.

⁶³ *Ibid.*, bil. 167/1917., 3 : 1208.

Sebenarnya latihan-latihan yang dilakukan dan dipraktikkan kepada tentera-tentera dan belia-belia Islam itu mempunyai hubungan dengan kesukunan atau *riyādah*, kerana semua latihan-latihan tersebut merangkumi aktiviti-aktiviti yang lebih berbentuk *riyādah*. Ini tidak terkecuali dalam perbuatan-perbuatan sembahyang, di samping ianya mempunyai nilai yang tinggi dalam hubungan dengan kerohanian, adalah juga ada kaitannya dengan kesihatan jasmani. Dalam hubungan ini al-Doktor al-Hāj Muhammad Wasfi⁶⁴ berpendapat:

Dari sudut pandangan kedoktoran adalah tidak diragukan lagi bahawa riyadah harian yang paling baik ialah riyadah yang berterusan tanpa paksaan, yang senang dilaksanakan di mana-mana tempat pun juga, yang diagih-agihkan pada waktu-waktu malam dan siang, sebelum naik matahari, di waktu tengah hari, sebelum dan selepas jatuhnya matahari, di tengah malam..... segala ini di samping ia boleh menjaga kesejahteraan akhlak, berpegang dengan pelbagai kesempurnaan kejiwaan serta pembersihan dan penyucian roh dari pelbagai kerosakan, adalah juga dikatakan sebagai salah satu asas yang pokok dalam riyadah badaniah yang hakiki.

— 157 —

Sembahyang berjamaah adalah cabang daripada pendidikan ketenteraan yang tiangnya adalah taat dan berdisiplin,⁶⁵ kerana di dalam sembahyang berjemaah itu mengajak manusia kepada mentaati Allah, Rasul dan Pemerintah (Imam). Sebagai contoh

⁶⁴ *Al-Qurān wa al-Tib.*, Kaherah., 1980., hal: 12.

⁶⁵ Yūsuf al-Qardāwī, *al-'Ibadah fi al-Islām*, Kaherah, 1985, hal. 236.

dalam perbarisan atau *ṣaf*, Imam akan memerintahkan para ma'amum supaya berdiri lurus dengan merapatkan bahu dengan bahu dan kaki dengan kaki yang lain. Peringatan Imam untuk membetulkan *ṣaf* atau barisan ini adalah sebagai tanggungjawabnya sebagai pemerintah dalam sembahyang kerana Allah tidak mahu melihat kepada saf atau barisan yang bengkuk.⁶⁶

Pada dasarnya sukan atau *riyāḍah* itu sememangnya tidak bercanggah dengan Islam. Ini kerana konsep sukan itu adalah secukup dengan ajaran murni Islam yang mengajak kepada perpaduan, muhibbah, persahabatan dan tidak kurang juga untuk kesihatan. Oleh itu jelaslah sukan mempunyai hubungan yang kuat dengan akhlak yang baik dan sempurna.⁶⁷ Dalam hubungan ini Rasulullah *s.a.w* diantara pemimpin yang gemar kepada sukan atau *riyāḍah* dimana masjid adalah pusat aktivitinya. Telah disebutkan dalam banyak hadis yang menceritakan bahawa Nabi *s.a.w* pernah berlumba lari dengan Isterinya 'Aishah *r.a.* sebagaimana sabda Rasulullah *s.a.w*:

عن عائشة رضي الله عنها، أنها كانت مع النبي صلى الله عليه وسلم في سفر قالت: فسابقته، فسبقته على رجلٍ، فلما حملت اللحم سابقته فسبقني، فقال هذه بتلك السبقة.⁶⁸

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Muhammad 'Usam Tarbiah, *al-Istisyāf bi al-Qurān wa al-Tadāwī bi al-Ruqī'*, hal. 33.

⁶⁸ Al-Sijistānī, *op cit.*, *Kitāb al-Jihād Bāb fi al-Sabaq 'ala al-Rijl*, bil. 2578., 3 : 30.

Terj: *Dari 'Aishah r.a bahawa dia pernah bersama Nabi s.a.w dalam satu perjalanan. Kata 'Aishah: Aku berlomba lari cepat dengan beliau, maka aku memenangi kepada beliau belari. Setelah aku gemuk, aku berlomba lagi dengan beliau tapi beliau menang kepadaku. Maka beliau bersabda: "Kemenangan ini, sebagai giliran dari kemenanganmu dulu".*

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w bersabda:

عن عبد الله بن عمر، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم سبق بين الخيل التي قد ضمرت من الخفياء، وكان أمدها ثانية الوداع، وسابق بين الخيل التي لم تضرم من النثنية إلى مسجد بني زريق، وإن ⁶⁹ عبد الله من سابقها.

Terj: *Dari Ibnu Umar r.a : Bahawa Rasulullah s.a.w memacu antara kuda pinggitan dari Hafya' sampai ke Tsaniyatul Wada' (kurang lebih enam atau tujuh batu). Sedang kuda yang bukan pinggitan, beliau pacu dari Tsaniyatul ke masjid Zuraiq (kurang lebih dari satu batu). Dan Abdullah bin Umar di antara orang yang mengikuti pacuan itu.*

Penglibatan Rasulullah s.a.w dalam kesukanan ini menjadikan Baginda sebagai contoh tauladan yang baik bagi seluruh masyarakat Islam Madinah bagi sama-sama berganding bahu dalam menangani kesejahteraan hidup rakyat yang berlindong di bawah pemerintahan Baginda. *Riyadah* yang dilakukan oleh Baginda lebih merupakan permainan

⁶⁹ *Ibid., Bab fi al-Sabaq.*, bil. 2574., 3: 29.

yang berunsurkan ala tentera yang mempunyai tujuan dan manfaat bagi mendisiplin dan melatih diri kepada keberanian jika berlaku perperangan dan sebagai persediaan bagi menghadapi musuh.⁷⁰

Berpandukan kepada perbuatan Rasulullah *s.a.w* itu adalah wajar aktiviti-aktiviti kesukaran diperkenalkan semula dan diaplikasikan kepada masjid-masjid masa sekarang dengan mendedahkan aktiviti-aktiviti sukan yang terkini sesuai dengan peredaran masa dan zaman selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam dan tujuannya yang baik. Penglibatan masyarakat ke arah ini adalah perlu bagi mencurak masyarakat Islam itu sendiri terutama belia-belia memahami akan fungsi masjid itu yang bukan hanya untuk beribadat di dalamnya sahaja bahkan lebih luas dari itu hingga ke luar masjid. Dengan adanya inisiatif organisasi pentadbiran masjid ke arah ini, insyallah, akan lebih mendekatkan lagi hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Rasulullah *s.a.w* sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam risalah dan pendidikan ini, telah mengatur kedudukannya dengan baik dan muncul sebagai seorang ketua tentera yang sangat berjaya. Kejayaan ini bukan hanya didasarkan atas pencapaian pada masa hayatnya tetapi juga selepas itu, terutama sekali dapat menanamkan semangat

⁷⁰ Yusuf al-Qardawī, *op cit.*, hal. 237.

jihad ke jalan Allah secara berterusan dari zaman ke zaman dari satu generasi ke satu generasi, kerana konsep perang dalam Islam itu adalah semata-mata jihad. Walau bagaimanapun Islam itu bukanlah agama peperangan yang mendorong kepada permusuhan dan keganasan sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah musuh Islam akan tetapi kejayaan Islam itu adalah kebijaksanaan yang terletak atas dasar rohaniah dan tawwakal kepada Allah s.w.t. Islam menghendaki pejuang-pejuangnya supaya menggunakan akal dan bertawwakal,⁷¹ dan Islam bukanlah keganasan, tetapi musuh-musuh Islamlah yang lebih ganas sebagaimana yang kita saksikan dewasa ini. Firman Allah Ta'ala:

لو لا دفع الله الناس بعضهم بعض لفسد الأرض ولكن الله
ذو فضل على العلمين.⁷²

Terj: *Dan seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rusaklah bumi ini, tetapi Allah mempunyai kurnia (yang dicurahkan) atas semesta alam.*

⁷¹ Mahmud Shit Khattab, *al-Rasul al-Qa'id*, Mesir., 1964., cet. iii., hal. 422-423.

⁷² S. al-Baqarah : A. 251.

2.2.4 Dewan Mesyuarat

Adapun asas hukum dalam Islam itu ialah *al-Qurān*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'*, dan *al-Qiās*. Firman Allah Ta'ala:

وَأَنْ أَحْكُمْ بِيَنْهُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَبْعَثْ أَهْوَاءَهُمْ.⁷³

Terj: *Dan hendaklah kamu memutuskan suatu perkara di antara mereka menurut apa yang di turunkan Allah, dan jangan kamu mengikuti hawa nafsu mereka.*

Sebagaimana yang kita maklumi bahawa *al-Qurān* itu adalah merupakan perlembagaan kepada pemerintahan kerajaan Islam, di mana setiap perkara dan hukum atau permasalahan hendaklah kembali kepadanya. Manakala *al-Sunnah* pula adalah penerang dan penjelas kepada perlembagaan tersebut, dan *al-Ijma'* muslimin ialah ulama daripada orang muslimin yang memikirkan perkara yang tidak terdapat nas yang tetap dalam dua sumber hukum tadi dan juga masalah-masalah yang terdapat padanya nas dan mereka tidak terkeluar daripada nas itu ketika menjelaskan hukum padanya, dan jika tidak terdapat padanya nas dan *ijma'*, maka hendaklah menggunakan *qiās* iaitu dengan mengqiaṣkan ke atas yang lainnya daripada perkara-perkara yang ada persamaan dengannya. Persoalannya, apabila hukum Islam itu mengikat untuk mengikuti satu-satu

⁷³ S. al-Mā'idah : A. 49.

nas, dan apabila tidak ada baginya hak melakukan pada apa yang ada padanya nas, maka bagaimana menghukum pada perkara-perkara yang tidak terdapat padanya nas itu ?..... Sebenarnya al-Qurān sendiri telah menjelaskan dalam pendirianya sebagai sumber hukum pertama dalam Islam bagi menyelesaikan permasalahan ini, di mana al-Qurān memperuntukkan dan menetapkan *al-Syūra* sebagai sandaran dan pegangan yang wajib dilaksanakan dalam apa juga perkara yang bersangkutan dengan hukuman, tindak-tanduk dalam agama, dunia dan sebagainya. Firman Allah:

وشاورهم في الأمر فإذا عزمت فتوكل على الله إن الله يحب
الموكلين.⁷⁴

Terj: *Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu, kamudian apabila kamu telah membuatkan tekat, maka bertawwakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawwakal kepadanya.*

Peraturan hukum dalam Islam berdiri atas dasar *al-Syūra* atau permesyuaratan. Dalam ayat di atas Allah s.w.t memerintahkan kepada Rasulullah s.a.w supaya mengajak umat Islam untuk bermesyuarat dalam urusan-urusan peperangan dan hal-hal dunia dan lainnya seperti urusan politik, ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain lagi. Di samping itu ayat ini juga menjelaskan akan kematangan seorang pemimpin dalam pemerintahannya di mana Rasulullah s.a.w sendiri adalah seorang pemimpin dunia yang pertama meletakkan

⁷⁴ S. Āli ‘Imrān : A. 159.

dasar-dasar hukum dalam Islam yang berdiri di atas sistem demokrasi dan *musyawwarah*.⁷⁵ Dari sini dapat difahamkan bahawa *syūra* itu asas pembinaan undang-undang atau peraturan hukum Islam. *Syūra* akan berlaku jika terdapat perkara-perkara yang tidak ada padanya nas atau dalil dari al-Qurān. Dan apabila terdapat padanya nas maka tidaklah ada mesyuarat, pandangan, pilihan dan gantian, akan tetapi hendaklah berpegang kepadanya dengan melaksanakannya.⁷⁶

Kewajiban *Syūra* dalam masyarakat dan negara meletakkannya sebagai asas utama dalam Islam. Al-Syīekh Syaltūt mengatakan dalam bukunya '*al-Islām Aqīdah wa Syari'ah*':

*Adapun al-syura itu adalah asas hukum yang paling baik, dan dia adalah jalan yang membawa kepada kenyataan yang benar dan mengetahui pendapat-pendapat yang matang dan bernes, yang diperintahkan dengannya al-Quran yang mulia, dan menjadikannya unsur daripada unsur-unsur yang berdiri atasnya sebuah kerajaan Islam.*⁷⁷

Kepentingan syura di dalam pemerintahan Islam adalah paling utama sekali kerana tugas pemerintah adalah tanggungjawab yang paling berat. Atas sebab itulah ia wajib

⁷⁵ Prof.Dr.Ahmad Shalaby, *Masyarakat Islam*, hal. 104.

⁷⁶ Dr. Muhammad al-Sayīd al-Wakīl., *al-Madīnah..*, hal. 24.

⁷⁷ *Ibid*, hal. 25.

dipikul secara kolektif oleh setiap umat Islam. Manakala tugas dan tanggungjawab akan sempurna jika dilakukan dengan syura. Oleh itu bagi menentukan keunggulan syura itu dalam Islam, adalah menjadi kewajiban ke atas para pemimpin ataupun *walīyu al-Amr* untuk menentukan sesiapa yang berhak untuk menjadi ahli syura itu. Al-Qurtubī telah berkata dalam tafsirnya berhubung dengan perkara ini:

*Wajib atas pemerintah itu bermesyuarat dengan para ulama pada apa yang mereka tidak mengetahuinya daripada kemusykilan-kemusykilan yang dihadapi oleh mereka daripada perkara-perkara agama, dan perkara-perkara ketenteraan yang bersangkutan dengan peperangan, atau perkara-perkara yang dihadapi oleh manusia yang bersangkutan dengan kemaslahatan, dan perkara-perkara yang berhubung dengan kitab, menterimenteri, pekerja-pekerja dan yang mempunyai kaitannya dengan kemaslahatan negeri dan pembangunannya, dan kedudukkan penasihat jika ia pakar dalam perkara-perkara hukum maka menjadikan ia sebagai seorang ahli ilmu dan agama, dan kedudukkan penasihat jika ia pakar dalam perkara-perkara dunia maka menjadilah ia sebagai ahli fikir yang benar-benar terbukti kepakarannya.*⁷⁸

Jelasnya *syūra* atau mesyuarat itu adalah menjadi pokok dalam pembangunan masyarakat dan negara Islam. Inilah dasar politik pemerintahan dan pimpinan negara, masyarakat dalam perang dan damai, ketika aman atau ketika terancam bahaya. Allah berfirman:

⁷⁸ Dr. Mahyuddin Ibn ‘Abd al-Halim, *Al-Ra’yu al-‘Ām fi al-Islām*, Kaherah., 1990., cet. ii., hal. 80.

والذين استحابوا لرهم وأقاموا الصلوة وأمرهم شوري بينهم و بما
⁷⁹ رزقهم ينفقون.

Terj: *Dan bagi orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhan mereka dan mendirikan sholat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka; dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezki yang kami berikan kepada mereka.*

Sebelum diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w supaya melakukan mesyuarat, Baginda telah pun berkali-kali melaksanakannya sebagai kebijaksanaan Baginda sendiri dalam menghadapi soal bersama. Ketika akan menghadapi peperangan Badar, Baginda terlebih dahulu mengajak orang-orang Muhajirin dan Ansar untuk bermesyuarat, dan setelah mereka bersapakat baharulah Nabi meneruskan, dan setelah sampai di medan perang timbul lagi pemesyuaratan. Sahabat-sahabat Baginda telah mengerti bahawa dalam urusan agama semata-mata hendaklah patuh secara mutlak, tetapi dalam hal-hal yang mereka ragu, mereka terlebih dahulu akan bertanya kepada Rasulullah s.a.w mengenai pandangan beliau. Dalam hal ini al-Habab Ibn al-Munzir Ibn al-Jumawwah pernah bertanya kepada Baginda ketika angkatan perang disuruh berhenti oleh Rasulullah s.a.w di tempat yang jauh dari air; "Ya, Rasulullah, Seketika tempat ini engkau pilih, apakah ianya sebagai perintah dari Allah, sehingga kami tidak boleh mendahuluiinya atau membelakanginya, atau hal ini hanya semata-mata pendapat sendiri dalam rangka

⁷⁹ S. al-Syura : A. 38.

peperangan dan siasat?.... Rasulullah menjawab: "Cuma pendapat sendiri, dalam rangka berperang dan siasah".... al-Habāb menyambut lagi: "Kalau demikian Ya Rasulullah, tempat ini tidak layak. Marilah perintah orang semua, kita berpindah ketempat yang berdekatan dengan air, sebelum musuh itu datang, sehingga kita yang menentukan".... Rasulullah menjawab: "Usulmu itu sangat tepat"⁸⁰ Lalu Baginda perintahkan segera menguasai tempat itu sebelum musuh mendudukkinya.

Bagitulah dalam peperangan yang lain Baginda *s.a.w.* terlebih dahulu mengadakan mesyuarat dengan sahabat-sahabat baginda dan masyarakat Islam yang lainnya. Kebiasaananya Baginda *s.a.w.* mengadakan pertemuan dalam permesyuaratan dengan masyarakat Islam Madinah di masjid Nabi sendiri, terutama perkara yang berhubung dengan kemaslahatan Ummah⁸¹ dan negara. Ini kerana bermesyuarat dalam segala hal untuk kebijakan umat Islam adalah satu perkara yang diwajibkan oleh Allah *s.w.t.*, kerana melalui mesyuaratlah segala masalah itu dapat diselesaikan.⁸²

Kepekaan dan keprihatinan Nabi *s.a.w.* terhadap pentingnya *syūra* ini telah terbukti dalam sejarah, di mana Nabi *s.a.w.* sendiri kerap kali bermesyuarat dengan para

⁸⁰ Prof. Dr. Hamka., *op cit.*, hal. 968.

⁸¹ Dr. Muhammah Sayid al-Wakil., *op cit.*, hal. 28.

⁸² Mustafa Haji Daud, *op cit.*, hal. 389.

sahabatnya. Hal ini berterusan sehingga wafatnya Baginda *s.a.w*, di mana pewaris-pewaris pemerintahan Islam di Madinah khususnya dan di negara-negara yang ditakluki telah menjalankan tugas ini dengan baik dan sempurna. Secara ringkasnya dapat kita lihat contoh-contoh yang dilakukan oleh para sahabat Baginda, umpamanya dalam kes-kes perlantikan Khalifah dan Imam dan sebagainya dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan dunia. Pada zaman pemerintahan Umar Ibn al-Khattab umpamanya beliau telah menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran Islam yang pesat dengan mengadakan beberapa institusi baru dalam pentadbiran melalui masjid bagi mengukuhkan lagi kekuatan pentadbiran Islam pada masa itu. Di antara usaha beliau dalam mengukuhkan sistem *syūra* dalam pentadbirannya, beliau telah membina dua buah dewan di masjid Nabi *s.a.w* bagi tujuan memberi nasihat dan yang satu lagi ialah sebagai tempat persidangan.⁸³ Nampaknya keunggulan masjid *al-Nabawi* dalam merealisasikan sistem permesyuaratan atau *syūra* amatlah membanggakan dimana ianya sepatutnya dijadikan contoh kepada pembinaan-pembinaan masjid zaman sekarang, dengan menyediakan kemudahan-kemudahan khusus seperti dewan permesyuaratan atau *syūra* bagi tujuan sebagai tempat mengadakan persidanagan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat sama ada yang bertaraf antarabangsa, kebangsaan, daerah dan kampong. Ini bertujuan bagi menghidupkan serta mengbalikkan suasana atau budaya *syūra* sebagaimana yang berlaku pada zaman awal Islam.

⁸³ Abdul Monir Yaacob, *op cit.*, hal. 34.

2.2.5 Kehakiman Dan Perpaduan Ummah

Konsep keadilan dan persamaan dalam Islam merupakan kunci utama ke arah pencapaian perpaduan dan kesejahteraan hidup di kalangan masyarakat di Madinah. Ini kerana masjid yang didirikan atas dasar takwa itu, menjadikan tempat tumpuan orang-orang Islam dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t sebagai hamba yang tidak membeza antara manusia dengan manusia melainkan dengan takwa kepada Allah s.w.t.

Firman Allah:

بِأَيْمَانِ النَّاسِ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شَعوبًا
وَبَيْتًا لِتَعْرِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ عِلْمٌ خَبِيرٌ.⁸⁴

Terj: *Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal.*

Dalam ayat di atas Allah s.w.t memerintahkan kepada umat manusia supaya saling kenal mengenali dan sayang menyayangi antara satu sama lain agar kehidupan yang

⁸⁴ S. al-Hujarat : A. 13.

diharungi ini dapat dipikul bersama-sama, bertolong menolong, bantu membantu dalam segala hal dan keadaan serta menghindar daripada kemungkaran, bermusuh-musuhan sesama sendiri dan sebagainya. Di samping itu juga Allah telah menggariskan dan menetapkan sifat takwa sebagai asas dan pokok utama dalam menjayakan kehidupan di dunia dan di akhirat.

Di dalam hidup bermasyarakat dan bernegara, Islam sangat menentang kezaliman dalam apa bentuk sekali pun. Penentangan Islam terhadap kezaliman ini bukanlah kerana tunduk kepada kehendak masyarakat, tetapi adalah semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah *s.w.t.* Sebagaimana firmanya:

⁸⁵ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ.

Terj: *Dan Allah tidak suka kepada orang yang zalim.*

Dalam sejarah manusia kezaliman telah berlaku dan menular dengan luasnya sejak zaman berzaman lagi sebelum datangnya Islam. Hal keadaan ini telah diceritakan dalam al-Qurān sebagaimana Firmanya:

وَلَقَدْ أَهْلَكَنَا الْقَرْوَنْ مِنْ قَبْلِكُمْ مَا ظَلَمُوا وَجَاءُهُمْ رَسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ
⁸⁶ وَمَا كَانُوا لِيَعْمَلُوا كَذَلِكَ نُخَزِّي الْقَوْمَ الْمُحْرِمِينَ.

⁸⁵ S. Āli 'Imrān : A. 57.

⁸⁶ S. Yūnus : A. 13.

Terj: *Dan sesungguhnya kami telah membinasakan umat-umat yang terdahulu daripada kamu semasa mereka berlaku zalim, padahal telah datang kepada mereka Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang nyata, tetapi mereka masih juga tidak beriman, demikianlah kami membala kaum yang melakukan kezaliman.*

Bagi menentang kezaliman ini, Allah s.w.t telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rahmat untuk sekalian alam dengan membawa agama Islam yang terdiri dari akidah, syari'ah dan akhlak.⁸⁷ Syari'ah atau undang-undang Islam adalah bertujuan untuk menegakkan keadilan mutlak dan menghindar daripada kezaliman.⁸⁸ Firman Allah:

قلْ أَمْرِ رَبِّيْ بِالْقَسْطِ وَأَقِيمُوا وَجْهَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ
خَلِصِينَ لِهِ الدِّينَ كَمَا بَدَأْكُمْ تَعْوِذُونَ.⁸⁹

Terj: *Katakanlah: "Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara), dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal ugama kamu kepadanya semata-mata; (kerana) sebagaimana Ia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepadanya).*

⁸⁷ Dr.Mahmud Saedon Awang Othman, Prof.Dato', *Peguam Syarie : Cabaran Dan Penyelesaiannya*, Siri Undang-undang Islam, (Terbitan Mahkamah Syariah Serawak),, 1995., hal. 1.

⁸⁸ *Ibid.* Lihat juga Dr.Muhammad al-Bahī, *al-Dīn wa al-Daulah*, Kaherah., 1980., cet. ii., hal. 312. Lihat Dr. Muhammad Sayīd al-Wakīl, *Al-Madīnah al-Munawwarah..*, hal. 21.

⁸⁹ S. al-A'rāf : A. 29.

Dalam ayat ini Allah s.w.t bukan sahaja memerintahkan kepada Rasulullah s.a.w supaya berlaku adil dalam semua perkara, tetapi juga ianya ditujukan kepada kita semua umumnya.

Dalam Ayat yang lain pula Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لِعْلَمْ تَذَكَّرُونَ.⁹⁰

Terj: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kekezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangannya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiinya.

Bagi menjelaskan tugas kita untuk melakukan keadilan, melalui ayat ini Allah mengajar kita supaya melakukan keadilan dalam semua aspek dan bidang, ini termasuklah dari segi undang-undang, pembahagian kekayaan, tindak-tanduk dan sebagainya. Suruhan ini bertujuan agar keadilan itu dapat dipatuhi oleh semua pihak demi untuk mewujudkan suasana masyarakat yang aman, adil berkerjasama, penyayang, berbuat kebaikan, memberi

⁹⁰ S. Al-Nahl : A. 90.

bantuan dan pertolongan kepada kaum kerabat serta meninggalkan perbuatan keji, mungkar dan kezaliman.

:

Pada zaman awal Islam, Nabi Muhammad *s.a.w* sendiri adalah merupakan sebagai ketua pemerintahan Islam dan juga sebagai hakim bagi mengandalikan kes-kes yang bersangkutan dengan sivil dan jenayah. Di mana kota Madinah (masjid *al-Nabawi*) adalah menjadi pusat pemerintahan Daulah Islamiyyah pada waktu itu. Disinilah Baginda Rasulullah *s.a.w* mengendalikan urusan-urusan kehakiman di samping menjalankan tugas-tugas Baginda sebagai ketua negara dan Rasul.⁹¹ Dalam hal ini al-Qur'an telah menyebutkan sebagaimana firmanya:

فَلَا وَرِبَّ لَأَيُوْمَنُونَ حَتَّىٰ يَحْكُمُوكُ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي
أَنفُسِهِمْ حَرْجاً مَا قَضَيْتُ وَيَسِّلُمُوا تَسْلِيماً.⁹²

Terj: *Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad) Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.*

⁹¹ Siti Zaliha Bte Abu Salim, *Sistem Kehakiman Brunei Dan Perbandingannya Dengan Sistem Kehakiman Islam*, Tesis Sarjana Pengajian Islam, UKM, 1992., hal. 251.

⁹² S. Al-Nisa' : A. 65.

Kemestian bagi mengujudkan kehakiman dalam Islam banyak disebutkan dalam al-Qurān, di antaranya ialah firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرْكَذَ اللَّهُ وَلَا تَكُونُ
لِلْخَائِنِينَ حَصِيبًا.⁹³

Terj: Sesungguhnya kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (*Al-Quran*) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahinya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

Sesungguhnya ayat ini menjelaskan dengan detil berhubung dengan profesion sebagai hakim yang adil, di mana al-Qurān menjadi dasar dan asas utama dalam perundungan dan kehakiman dalam Islam.⁹⁴ Dengan adanya prosedur kehakiman yang adil inilah menjadikan keunggulan masjid *al-Nabawī* sebagai pusat kehakiman dan perpaduan umat yang tidak dapat ditelan zaman dari ingatan umat Islam sampai ke masa kini, bahkan menjadi rujukan umat Islam dewasa ini dalam usaha mengembalikan fungsi dan peranan masjid *al-Nabawī* dalam segenap bidang.

⁹³ S. Al-Nisa' : A. 105.

⁹⁴ Dr. Muhammad al-Bāhī, *op cit.*, hal. 312.

2.3 Contoh-Contoh Penghayatan Masjid

Meskipun masjid telah wujud sebelum Islam, akan tetapi masjid belum dikenali dalam erti katanya yang sebenar sebagaimana berlaku pada zaman awal Islam. Penghayatan masjid lebih terserlah apabila berdirinya masjid pertama dalam Islam yang seterusnya membawa kepada perkembangan dan kekuatan penyebaran agama Islam hingga ke akhir zaman.

Masjid telah menjadi tumpuan orang-orang Islam di mana sahaja mereka berada untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Untuk melihat bagaimana penghayatan dan fungsi masjid menurut ketetapan *al-Sunnah*, penulis akan cuba membawa beberapa contoh penghayatan masjid pada zaman-zaman awal perkembangan agama Islam.

2.3.1 Masjid Pada Zaman Rasulullah s.a.w.

Sebagaimana telah dijelaskan pada awal bab ke dua ini, bahawa peranan dan fungsi masjid pada zaman Rasulullah s.a.w khususnya telah mencapai kepada kegemilangannya di mana masjid *al-Nabawi* adalah menjadi satu contoh atau model

terbaik dalam merealisasikan fungsi masjid yang sebenar. Keunggulan masjid ini dapat dilihat dalam beberapa buah hadis Rasulullah s.a.w sebagaimana sabdanya:

لَا تشد الرحال إِلَى إِلَيْ ثَلَاثَةِ مَسَاجِدِ: الْمَسَاجِدُ الْحَرَامُ، وَمَسَاجِدُ
الرَّسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَسَاجِدُ الْأَقْصَى.⁹⁵

Terj: *Tidak di anjurkan bepergian kecuali kepada tiga buah masjid, iaitu: Masjid al-Haram, Masjid Rasulullah s.a.w, dan Masjid al-Aqsa.*

Sabdanya lagi:

صَلَاةٌ فِي مَسَجِدِي هَذَا خَيْرٌ مِّنْ أَلْفٍ مِّنْ صَلَاتٍ فِي مَا سِوَاهُ، إِلَّا مَسَاجِدُ
الْحَرَامِ.⁹⁶

Terj: *Satu kali bersembahyang di Masjidku ini, lebih baik daripada seribu kali sembahyang di tempat lain, melainkan di Masjid al-Haram.*

Sabda Rasulullah s.a.w lagi:

مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمَنْبَرِي رَوْضَةٌ مِّنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، وَمَنْبَرِي عَلَى حَوْضِي.⁹⁷

Terj: *Antara rumahku dan minbarku adalah sebuah kebun dari kebun syurga, dan minbarku berada di atas telagaku.*

⁹⁵Al-Bukhārī, *op cit.*, *Kitāb Fadl al-Salāt fi Masjid Makkah wa al-Madīnah, Bāb Fadl al-Salāt fi Masjid Makkah wa al-Madīnah.*, bil. 1189., 1: 353.

⁹⁶ *Ibid.*, bil. 1190.

⁹⁷ *Ibid.*, *Bāb Fadl ma Bainā al-Qabr wa al-Minbr.*, bil. 1196., 1: 354.

Pada zaman Rasulullah s.a.w masjid adalah menjadi tempat terpenting bagi Baginda di dalam usaha menyampaikan ajaran Islam dan mentabighkan agama ini dengan cara yang baik kepada manusia semasa di Madinah dan di Mekah. Di masjid al-Haram umpamanya Nabi s.a.w telah menjadikan masjid ini sebagai pusat penyebaran Islam di musim haji khususnya dan juga di masa-masa yang lain. Kali terakhir Baginda s.a.w mentabighkan Islam di Mekah ialah pada musim haji iaitu sewaktu *Hajjat al-Wida*.⁹⁸

Masjid *al-Nabawi* di Madinah adalah satu-satunya masjid yang terulung di alam ini berjaya membentuk masyarakat Islam dan kerajaan Islam yang sempurna dan kukuh di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. Dr Muhammad al-Taib al-Najjar dalam muzakarahnya (Muhammad Rasulullah) telah berkata:

Pada zaman Rasulullah s.a.w masjid tidaklah dijadikan sebagai tempat untuk bersembahyang lima waktu dan jumaat semata-mata, akan tetapi masjid itu telah dijadikan sebagai sekolah untuk mempelajari dan menimba ilmu pengetahuan dan membentuk akhlak, di mana professornya dan gurunya adalah Rasulullah s.a.w sendiri dan pelajarnya terdiri daripada sahabat-sahabat yang baik-baik belaka. Dan masjid juga dijadikan mahkamah bagi menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t bagi Rasulullah s.a.w mendamaikan dan memutuskan sesuatu kes atau persengkitaan, dan masjid

⁹⁸ Dr.Mahmud Saedon Awang Othman, Prof 'Dato' Kertas kerja; *Masjid Fungsi Dan Peranannya*, Anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal ugama, Negara Brunei Darussalam. 1994.

*juga telah dijadikan sebagai dewan syura' tempat Rasulullah s.a.w membincangkan bersama-sama orang-orang Islam menangani isu-isu semasa mereka dan permasalahan mereka. Masjid juga telah dijadikan sebagai markas pemerintahan tentera di mana telah duduk padanya ketua tertinggi bagi pemerintahnya melatih mereka dan memberikan nasihat-nasihat dan juga tunjuk-tunjuk ajar, dan masjid juga dijadikan sebagai tempat menerima rombongan-roombongan dan utusan-utusan yang datang dari luar negeri untuk membuat perjumpaan dengan Rasulullah s.a.w.*⁹⁹

Bagitulah fungsi dan peranan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w yang membawa kepada kebaikan, kebahagiaan hidup serta keunggulan syiar Islam sehingga menjadikan masjid tidak sunyi dari kunjungan dan tumpuan orang ramai untuk berikikaf dan beribadat di dalamnya. Ini sesuai dengan kepentingan masjid itu sendiri sebagaimana dikatakan oleh Dr.Muhammad al-Sayid al-Wakil,¹⁰⁰ bahawa kepentingan masjid itu dibahagikan kepada dua;

1. *Sebagai tempat mendirikan sembahyang dan mendalami ilmu-ilmu dalam agama.*
2. *Tempat perkumpulan orang-orang Islam dan menyatupadukan umat.*

Kedua-dua kepentingan di atas adalah menjadi aktiviti-aktiviti tetap dan harian yang senantiasa berlaku dan berjalan di dalam masjid pada zaman Rasulullah s.a.w.

⁹⁹ Dr. Muhammad al-Sayid al-Wakil, *al-Masjid al-Nabawi*., hal. 13.

¹⁰⁰ *Al-Madinah al-Munawwarah*., hal. 27.

Berlakunya dua kepentingan ini di masjid telah menjadi realiti fungsinya sebagai masjid contoh dan tauladan yang mesti diikuti dan dipraktikkan di masjid-masjid masa kini agar masjid akan lebih bermakna dan makmor dalam erti kata yang luas. Ketekunan masyarakat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w dalam menghayati peranan dan fungsi masjid dapat di lihat melalui beberapa riwayat dalam hadis Baginda Rasulullah s.a.w seperti sabdanya:

عن أبي بن كعب، قال: كان رجلاً أبعد من المسجد منه. وكان لا تخطئه صلاة. قال فقيل له : أو قلت له : لو اشتريت حماراً تركبه في الظلاماء وفي الرمضان. قال: ما يسرني أن مسأرتني إلى جنب المسجد. إن أريد أن يكتب لي مشائى إلى المسجد. ورجوعي إذا رجعت إلى أهلى. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : قد جمع الله لك ذلك كله.¹⁰¹

○○○○○

Terj: *Daripada Ubai Ibn Ka'ab berkata: Ada seorang lelaki yang sepengetahuan saya dia menempuh jarak yang paling jauh menuju ke masjid di banding dengan yang lain-lain, namun dia tidak pernah terlambat untuk berjemaah. Suatu hari dikatakan kepadanya: Mengapa kamu tidak mahu membeli seekor keledai yang boleh kamu naiki pada waktu malam yang sangat gelap dan pada waktu siang yang sangat panas?.. Lelaki itu menjawab:*

¹⁰¹ Muslim., *op cit.*, *Kitāb al-Masājid, Bāb Fadl Kathraṭ al-Khaṭṭa ila al-Masājid.*, bil. 278/663., 1: 385.

Saya tidak suka seandainya tempat tinggalku berada berdekatan dengan masjid. Saya mahu supaya perjalanan saya menuju ke masjid dicatat oleh Allah sebagai pahala tersendiri. Demikian pula jika saya pulang kepada keluarga saya. Maka bersabda Rasulullah s.a.w : Sesungguhnya Allah telah menghimpun semua kebaikan untuk kamu.

Sabdanya lagi:

عن جابر بن عبد الله؛ قال : أرا بنا سلمة أن يتحولوا إلى قرب المسجد. قال والبقاء خالية. فبلغ ذلك النبي صلى الله عليه وسلم فقال : يا بني سلمة! دياركم تكتب اناركم. فقالوا : ما كان يسرنا ¹⁰²أنا كنا تحولنا.

Terj: *Daripada Jabir Ibn Abd Allah beliau berkata: Orang-orang Bani Salimah berkeinginan untuk memindahkan bangunan yang teronggok kosong itu berdekatan dengan masjid. Ketika hal itu didengar oleh Nabi s.a.w, Baginda bersabda: Wahai Bani Salimah! Biarkan sahaja. Sesungguhnya bekas tapak langkah kamu itu dicatat padanya pahala. Lalu mereka berkata: Akhirnya kami memilih untuk tidak jadi memindahkannya.*

¹⁰² *Ibid.*, bil. 281/665., 1: 386, 387.

Melihat kepada riwayat di atas, jelas membuktikan peranan dan fungsi masjid yang diatur oleh Rasulullah *s.a.w* telah mendapat sambutan yang ikhlas daripada masyarakat Islam Madinah tidak kira jauh mahu pun dekat mereka akan tetap mengunjungi masjid Rumah Allah yang membawa kepada mereka kebahagian, ketenangan dan keamanan di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Keberkesanannya pimpinan dan pentadbiran Nabi *s.a.w* ke arah ini adalah punca utama kepada kejayaan masjid dalam mewacanakannya sebagai pusat kegiatan dan pembentukan masyarakat madani yang bertanggungjawab kepada agama dan negara.

Pada zaman Rasulullah *s.a.w* juga, Baginda adalah orang yang paling berperanan dalam mengerakkan dakwah Islamiah di masjid *al-Nabawi* di Madinah. Ini kerana peranan Baginda itu sendiri sebagai seorang Rasul Allah yang tugasnya menyampaikan apa yang diwahyukan dan diperintahkan oleh Allah *s.w.t* kepada seluruh umat manusia. Dengan yang demikian, dalam keadaan ini Nabi *s.a.w* terikat dengan perintah Allah *s.w.t* sebagaimana firmannya:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَمِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتٍ وَيُزَكِّيُهُمْ
وَيُعْلِمُهُمُ الْكَبَرَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفْيِ ضَلَالٍ مُّبِينٍ.¹⁰³

¹⁰³ S. Al-Jumu'ah : A. 2.

Terj: *Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaannya), dan membersihkan mereka (dari i' tiqad yang sesat), serta mengajar mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syara'). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Dari keterangan-keterangan di atas jelaslah bahawa fungsi masjid pada zaman Rasulullah s.a.w itu begitu penting sekali dalam membentuk keutuhan masyarakat dan negara Islam ke arah kehidupan yang lebih sempurna dan mencabar yang bakal akan dikembangkan seterusnya oleh khalifah-khalifah selepas Baginda s.a.w.

2.3.2 Masjid Pada Zaman *Khulafa'* *Al-Rāsyiddin*

Pada zaman *Khulafa'* *al-Rāsyiddin*, masjid terus memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan negara Islam sebagaimana juga dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sebelumnya. Fungsi masjid pada zaman itu semakin berkembang luas sesuai dengan perkembangan masa dan keadaan pada ketika itu. Pada masa itu juga masjid tetap menjadi lambang kekuatan dan kedaulatan syiar Islam di samping menjadikan sebagai

tempat dalam menangani isu-isu semasa dan negara serta mengembangkan dakwah Islamiah keseluruh negara yang ditakluki.

Fungsi masjid dalam membentuk organisasi sebuah kerajaan atau pemerintahan negara Islam telah dilakukan selepas wafatnya Rasulullah s.a.w di mana perlantikan khalifah pertama dalam Islam iaitu Sayidina Abu Bakar telah di *bai'ah* di masjid iaitu di

Saqifah Bani Sa'идah. Begitu juga perlantikan khalifah-khalifah yang lain juga dilakukan di masjid.

Menurut ahli sejarah penamaan kerajaan yang pertama dari kerajaan Islam ialah dengan terdirinya kerajaan *Khulafā' al-Rāsyiddin*.¹⁰⁴ Kerajaan ini telah memerintah lebih kurang dalam masa 30 tahun. Perlantikan khalifah ini adalah merupakan satu kemajuan dan kematangan masyarakat Islam pada masa itu dalam berfikir dan juga merupakan peningkatan tamadun Islam yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. Ini kerana semasa hayat Rasulullah s.a.w, Baginda tidak meninggalkan wasiat kepada sesiapa dari sahabatnya untuk memimpin masyarakat Islam selepas Baginda, akan tetapi hal ini seolah-olah diserahkan kepada masyarakat Islam sendiri untuk membuat perundingan dan pertimbangan mereka sendiri. Perlantikan khalifah tidak dilakukan atas dasar

¹⁰⁴ Al-Najjār., 'Abd al-Wahāb al-Najjār, *Al-Khulafā' al-Rāsyiddūn*, Beirut., t.t., hal. 469.

kekeluargaan akan tetapi dipilih khalifah itu atas asas *syūra'*.¹⁰⁵ Dan khalifah yang empat tergolong daripada tiga keturunan atau bani iaitu Abu Bakar daripada bani Tamim, Umar dari bani ‘Adyī, ‘Uthmān dan Ali daripada bani Abdi Manaf.¹⁰⁶ Sistem perlantikan ini membuktikan bahawa demokrasi dan *syūra'* telah pun wujud dan diperaktikkan dalam Islam sebagai asas perlantikan dan pemerintahan negara Islam.

Jika diimbas kembali kepada perlantikan Abu Bakar *r.a* menjadi khalifah pertama dalam Islam perlantikan tersebut telah dirasmikan di masjid Madinah di mana orang-orang Islam sekalian berkumpul dan menyatakan persetujuan mereka di atas perlantikan Abu Bakar itu. Setelah upacara *mubāya'ah* di lakukan, Abu Bakar menyampaikan khutbah di masjid tersebut sebagai ucapan balas atas kepercayaan orang ramai kepadanya yang merupakan satu ucapan atau perutusan yang terpenting dalam pentadbiran beliau sebagai khalifah pertama, sebagaimana kata-kata beliau:

أَيُّهَا النَّاسُ، قَدْ وَلِيْتُ عَلَيْكُمْ وَلَوْلَتْ بَغْرِيْبٍ مِنْكُمْ. فَإِنْ أَحْسَنْتُ
فَأَعْيُّنُونِي، وَإِنْ صَدَّتْ فَقَوْمُونِي. الصَّدَقُ أَمَانَةٌ وَالْكَذْبُ خَيْانَةٌ
وَالْضَّعْفُ فِيكُمْ قُوَّىٰ عَنِّي حَتَّىٰ أَخْذَ لَهُ حَقَّهُ، وَالْقُوَّىٰ فِيْكُمْ
ضَعْفٌ عَنِّي حَتَّىٰ أَخْذَ الْحَقَّ مِنْهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ أَطْبِعُونِي مَا أَطْعَتُ

¹⁰⁵ *Ibid.* hal. 470.

¹⁰⁶ *Ibid.*

الله ورسوله، فإذا عصيت الله فلا طاعة لـ علـيـكـم، فـوـمـوا إـلـى
 الصـالـاتـكـم يـرـحـمـكـم الله.¹⁰⁷

Terj: "Wahai manusia, Aku telah dipilih jadi wali yang akan memimpin kamu, pada hal aku ini bukanlah orang yang terbaik di antara kamu. Sebab itu jika pemerintahanku baik sokonglah aku, dan jika tidak baik, maka perbaikilah aku. Orang yang lemah di antara kamu adalah kuat di sisiku, hingga aku harus menolongnya mendapatkan haknya, sedang orang yang kuat di antara kamu adalah lemah di sisiku, hingga aku harus mengambil hak orang lain yang berada padanya, untuk dikembalikan kepada yang berhak semula. Patuhlah kepadaku selama aku patuh kepada Allah dan Rasulnya, akan tetapi jika aku menderhakai Allah, kamu sekalian tidak harus patuh lagi kepadaku, berdirilah kamu untuk mengerjakan sembahyang semoga Allah merahmati kamu".

Khutbah yang disampaikan oleh Abu Bakar ini adalah merupakan dasar utama pemerintahan beliau dalam memimpin umat Islam dan rakyat Madinah pada ketika itu, di mana beliau telah memikul beban yang sangat berat dalam menyatupadukan semula umat Islam akibat kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w yang mana ramai daripada orang-orang Islam telah murtad dan kembali mengamalkan agama Jahiliah mereka dahulu. Mereka menyangka dengan kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w itu bererti mereka tidak wajib lagi mengikut ajaran Islam. Selain itu terdapat juga orang-orang yang mengaku dirinya sebagai nabi dan ingkar membayar zakat. Kesemuanya ini memerlukan kebijaksanaan

¹⁰⁷ Al-Najjar, *op cit.*, hal. 33. Lihat juga Ahmad Shalaby, *op cit*, hal. 123,124.

pemerintah dalam membentras kegiatan-kegiatan yang cuba untuk menggugat keselamatan umat Islam pada ketika itu. Inilah yang menyebabkan perkembangan masjid pada masa pemerintahan Abu Bakar *r.a* tidak banyak berubah jika di bandingkan dengan zaman pemerintahan sahabat-sahabat selepas beliau.

Semasa pemerintahan Umar Ibn al-Khattab *r.a* kedudukan masyarakat Madinah semakin stabil dan pulih seperti sedia kala. Beliau sangat-sangat mementingkan kesejahteraan hidup masyarakat Islam di mana sahaja berada, kerana pembukaan dan perluasan negeri-negeri Islam pada masa itu sungguh membanggakan dan tentera Islam belum pernah dikalahkan. Dalam pada itu, walaupun penaklukkan negeri-negeri seperti Rom, Persi, Afrika dan sebagainya telah ditakluki namun beliau sangat peka terhadap tanggungjawab umat Islam sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara-negara yang ditakluki terhadap Allah *s.w.t*. Beliau telah memerintahkan kepada para pemimpin tentera dan negara yang ditakluki supaya mendirikan masjid *Jāmi'* untuk mereka dan orang-orang Islam berkumpul sembahyang berjamaah pada hari jumaat dan mendirikan masjid-masjid kecil bagi para kabilah menunaikan sembahyang lima waktu sebagaimana yang pernah diperintahkannya kepada Abu Musa al-'Asy'ari di Basrah, Sa'ad bin Abu Waqqās di Kufah dan 'Amrū bin al-'Ās di Mesir.¹⁰⁸ Begitu juga kepada ketua pemerintah

¹⁰⁸ Abd Allah Qasīm al-Wasīlī, *al-Masjid wa Daūruhu al-Ta'līmī*., hal. 37.

tentera di Syam supaya mendirikan setiap kota atau bandar sebuah masjid.¹⁰⁹ Tujuan utama pendirian masjid-masjid ini adalah bagi menyatupadukan umat Islam dan sebagai lambang kekuatan syiar Islam di sesebuah negeri itu, kerana di mana sahaja agama Islam itu bertapak masjid hendaklah didirikan.

Jika di lihat pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar Ibn al-Khattab ini, perluasan wilayah-wilayah atau negeri-negeri yang ditakluki hingga mencapai 1,036 buah bandar dan menghancurkan 4,000 buah rumah-rumah ibadat dan gereja di negeri-negeri yang dibukanya dan membina 4,000 buah masjid.¹¹⁰ Berdasarkan kepada fakta ini jelas menunjukkan perkembangan masjid telah pun tersibar dengan pesatnya di merata tempat sejak zaman awal Islam lagi.

Di samping itu juga fungsi dan peranan masjid sebagaimana juga berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w telah diteruskan dan dimanfaatkan juga pada zaman *Khulafa’ al-Rasyidin* dimana masjid dijadikan sebagai tempat ‘ibadat, pendidikan, sekolah,

¹⁰⁹ Taha al-Wali, *al-Masajid.*, hal. 145.

¹¹⁰ Hasyim al-‘Azami, *Tarikh Jami‘ al-Imām al-‘Azam wa Masājidu al-‘Azamīyah*, Baghdad, Juz: ii., cet.i., hal. 236.

pentadbiran negara, mahkamah, permasyuaratan dan sebagainya¹¹¹ sehingga mencapai ketahap kegamilangan yang membanggakan.

:

2.3.3 Masjid Pada Zaman Ummaiyah Dan Abbasiyah

Apabila kita menyingkap kembali sejarah kedua-dua zaman ini, ternampak kepada kita dua sistem pemerintahan kerajaan Islam yang berbeza antara satu dengan lain terutama dari segi struktur pemerintahan dan juga dasar pemerintahan masing-masing. Walau bagaimanapun kedua-dua zaman ini telah membawa Islam kemercu kejayaan walaupun terdapat kelemahan-kelemahan yang berlaku ke atas beberapa orang pemerintah terutama di dalam pemerintahan kerajaan Bani Ummaiyah yang kurang patuh pada pendidikan dan akhlak agama, seperti Yazid 1, Yazid 11 dan al-Walid bin Yazid.¹¹² Selain daripada itu hampir semua khalifah-khalifah pada zaman ini terdiri dari mereka yang berilmu dan berakhlik tinggi serta patuh kepada ajaran-ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah *s.a.w* seperti Mu'awiyah 1 iaitu seorang daripada sahabat nabi, penulis

¹¹¹ 'Abd Allah Qāsim al-Wasīlī, *op cit*, hal. 36.

¹¹² Mahayudin Hj Yahaya, *Pemerintahan Bani Umaiyyah*, Kuala Lumpur., 1991., hal. 113.

wahyu dan perawi *Hadith*, ‘Umar bin Abd al-Aziz, Mu’awiyah bin Yazid (Mu’awiyah 11), Hisyām dan lain-lain.¹¹³ Dasar pemerintahan mereka adalah merupakan kesinambungan daripada dasar pemerintahan Khalifah-Khalifah al-Rāsyidīn iaitu menyebarkan agama Islam menerusi peluasan jajahan atau wilayah.¹¹⁴ Pada zaman ini peluasan jajahan dan penaklukan (*futuhāt*) telah dilakukan oleh penglima-penglima Islam¹¹⁵ sama ada di timor mahu pun di barat.¹¹⁶ Negeri-negeri yang ditakluki termasuk daerah-daerah Sind, Bukhara, Samarkand hingga ke sempadan Cina dan begitu juga negeri Andalus.¹¹⁷

Sebenarnya kejayaan penaklukan negeri-negeri tersebut bukanlah atas usaha khalifah-khalifah yang memerintah kecuali khalifah Mu’awiyah 1, tetapi penyebaran agama Islam di wilayah-wilayah yang ditakluki ini diusahakan oleh penglima tentera, Ulama atau orang-orang perseorangan yang cinta kepada ugama.¹¹⁸ Maka dengan ini jelas bahawa penaklukan itu bukan hanya semata-mata berdasarkan politik peperangan tetapi

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ *Ibid.* hal. 51. Di antara penglima tentera yang agong pada ketika itu ialah Qutaybah Ibn Muslim, Muhammad Ibn Qasim dan Musa Ibn Nusair.

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Dr. Ahmad Amin, *Dhuha al-Islam 1*, Terj: Osmān bin Haji Khalid dan Mohd. Marzuki bin Hj Shafie, Kuala Lumpur., 1978., hal. 390.

¹¹⁸ *Ibid.* hal. 391.

juga untuk mengembangkan dan menyebarkan seruan Islam, serta menyampaikan dasar-dasar Islam dan prinsip-prinsipnya.

Pada zaman pemerintahan khalifah ‘Umar bin Abdul Aziz telah berlaku beberapa perubahan dasar dalam pemerintahan kerajaan Bani Ummaiyah, beliau telah berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang berlandaskan ideologi dan ‘aqidah Islam. Kegiatan peperangan dan penaklukan dihentikan bagi mewujudkan keamanan serta memberi peluang kepada tentera-tentera untuk pulang hidup bersama-sama keluarga mereka. Selain itu beliau juga menggalakkan asimilasi perkahwinan antara puak Arab dan bukan Arab. Ini bertujuan bagi mengelakkan dasar perkauman atau diskriminasi yang diamalkan oleh Bani Ummaiyah sebelum ini, di samping mewujudkan keamanan dalam masyarakat serta memujuk orang-orang bukan Islam supaya memeluk agama Islam.¹¹⁹ Dasar pemerintahan yang dilakukan oleh beliau ini adalah mengikut dasar pemerintahan sebagaimana yang dilakukan oleh datuknya ‘Umar Ibn al-Khattab dan khalifah-khalifah *al-Rāsyiddīn* yang lain. Ini sudah setentunya beliau cuba dengan sedaya upayanya untuk merealisasikan kehidupan beragama yang sebenar di kalangan masyarakat Islam pada ketika itu, di mana masjid adalah salah satu institusi yang memainkan peranan yang penting serta menjadi tumpuan utama ke arah pembentukan ini.

¹¹⁹Mahayudin Hj. Yahya., *op cit.*, hal. 67.

Melihat kepada pembangunan masjid pada zaman ini ternyata khalifah-khalifahnya tidak mengabaikan peranan mereka ke arah meninggikan syiar Islam di mana-mana tempat, bahkan berbagai-bagai usaha lain bagi membangunkan kerajaan Bani Umayyah telah dilaksanakan seperti dalam bidang pentadbiran, ekonomi, kebajikan masyarakat, pembangunan infrastruktur dan seni bina.

Dalam keghairahan membina kota Damsyik sebagai pusat pemerintahan Bani Umayyah, khususnya dalam pemerintahan al-Walid bin Abdul Malik beliau tidak mengabaikan pembinaan dan pengindahan kota-kota Islam yang lain termasuk Makkah, Madinah, Kaherah dan Baitulmaqdis. Di Damsyik umpamanya terdapat sebuah masjid besar yang dikenali sebagai Masjid Umawi telah diubah suai dibahagian luar dan dalamnya serta dibina pula sebuah bumbung yang cantik yang dipanggil *Qubbah al-Nasr* dan tiga buah menara sehingga menjadi sebuah masjid yang indah dan terkenal di dunia. Sesungguhnya masjid ini pada asalnya merupakan sebuah gereja Katolik yang dipanggil *Basika of St. John the Baptist*. Begitu juga membaiki dan mengindahkan masjid Nabawi di Madinah, masjid al-Haram di Makkah dan masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis telah dilaksanakan.¹²⁰

¹²⁰ *Ibid.*, hal. 59.

Pada zaman al-Walid ini, aspek pembangunan dan kebajikan banyak tertumpu di bandar-bandar besar sahaja, terutama ibu kota Damsyik. Ini kerana dasar pemerintahan yang dijalankan oleh al-Walid mengikut dasar bapanya dan al-Hajjaj iaitu mendiskriminasi keturunan bukan Arab.¹²¹ Walau pun pada ketika itu berlaku asimilasi di Sepanyol (Andalusia) tetapi dapat dihalang oleh al-Walid. Segala keistimewaan hanya diberikan kepada orang-orang yang berketurunan Arab sahaja.

Dasar yang diamalkan oleh sebahagian besar pemerintah bani Umaiyyah ini kecuali pemerintahan ‘Umar bin Abdul ‘Aziz telah membawa kepada kejatuhan pemerintahan tersebut yang menyebabkan berlakunya pemberontakan kaum Barbar di Afrika, Sepanyol dan juga di Khurasan, sehingga kesempatan ini telah digunakan dengan sepenuhnya oleh gerakan Abbasiyah yang akhirnya menumbangkan kerajaan Bani Umaiyyah.



Jika kita imbas kembali dasar pemerintahan Bani Umaiyyah, peluasan (*futuhāt*) wilayah atau negeri bagi menyebarluaskan agama Islam adalah diutamakan di samping mengamalkan dasar diskriminasi kaum yang mana lebih mengutamakan keturunan atau bangsa Arab sahaja, berbanding dengan apa yang berlaku pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyah yang pada umumnya tidak banyak daerah-daerah atau negeri yang menjadi

¹²¹ *Ibid*, hal. 60.

sebahagian dari kerajaan Islam kerana tugas besar mereka ialah untuk mengekalkan apa yang telah mereka warisi dari orang-orang Umaiyyah di samping berusaha untuk mewujudkan kesatuannya. Ini menyebabkan ramai orang asing yang memeluk agama Islam sama ada dari orang-orang Yahudi dan Kristian atau Majusi yang tinggal di daerah-daerah yang telah ditakluki oleh orang-orang Islam pada zaman Khulafā' al-Rāsyidīn atau orang-orang Umaiyyah.¹²² Ini membuktikan bahawa dasar pemerintahan Bani Abbasiyah lebih cenderung kepada soal-soal keagamaan dan dakwah Islamiah. Para Khalifahnya di pandang sebagai penjaga dan pemimpin agama.¹²³ Manakala perlantikan Khalifah dilakukan di dalam masjid dengan penuh adat istiadat yang tidak terdapat sebelumnya.¹²⁴

Dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islamiah di kalangan orang-orang bukan Islam orang-orang Abbasiyah telah menggunakan masjid sebagai pusat pengajaran dan sebagainya. Sebagai contoh seorang pemuda kristian telah memeluk agama Islam setelah menghadiri kelas yang diberikan oleh Abu Kasim Junaid di salah sebuah masjid.¹²⁵ Selain dari itu berbagai-bagai cara telah dilakukan bagi tujuan ini, sebagaimana disebutkan oleh Ibn Khalikan bahawa seramai lebih kurang dua puluh ribu orang yang terdiri dari orang-

¹²² Dr. Ahmad Amin., *op cit.*, hal. 390.

¹²³ *Ibid.* hal. 391.

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ *Ibid.* hal. 396.

orang Yahudi, Kristian dan Majusi telah memeluk agama Islam pada hari kematian Imam Ahmad bin Hambal.¹²⁶

:

Dari usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Bani Abbasiyah ini dapat di lihat bahawa kesatuan keislaman pada zaman ini lebih jelas dari apa yang terdapat pada zaman Umayyah. Pada zaman ini juga Islam telah meresap masuk ke dalam kehidupan umum, politik, perundangan dan pentadbiran.¹²⁷

126 Ibid.

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ *Ibid*, hal. 412.

2.4 Contoh Masjid Yang Melanggar Peraturan *Al-Sunnah*

Masjid tidak dikenali; dalam erti katanya yang sebenar sebelum hijrah Rasulullah s.a.w ke kota Madinah, meskipun telah wujud dua buah masjid sebelum itu. Ini menunjukkan bahawa masjid itu merupakan sunnah yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir yang membawa agama Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam. Maka setiap amal perbuatan, percakapan dan tingkah laku yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w itu dalam masa hayatnya adalah *sunnah* Rasulullah s.a.w yang dijadikan contoh ikutan kepada seluruh umatnya hingga ke akhir zaman.

Oleh itu pembinaan masjid dan segala amal perbuatan sama ada yang berbentuk lahiriyah mahu pun *ma'nawiyah* padanya adalah merupakan *sunnah* yang menjadi ikutan yang sebenar dalam kontek pembinaan sesebuah masjid itu. Masjid yang didirikan atas dasar taqwa dan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t adalah matlamat utama kearah pembinaannya. Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ الْأَعْمَالَ بِالنِّيَّةِ، وَإِنَّمَا لِمَرْءٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَ هَاجِرَتْهُ إِلَى
اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهُجْرَتْهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَ هَاجِرَتْهُ إِلَى دُنْيَا
بِصَاحِبِهِ، أَوْ امْرَأَةً يَتَرَوَّجُهَا، فَهُجْرَتْهُ إِلَى مَا هَاجَ إِلَيْهِ.
128

¹²⁸ Al-Bukhārī., *op cit.*, Kitāb al-Aymān wa al-Nudhur, Bāb al-Niyat fī al-Aymān, bil. 6689., 4: 2088.

Terj: *Tiap-tiap amal hendaklah disertakan dengan niat. Sesungguhnya balasan bagi setiap amal manusia ialah pahala bagi apa yang diniatkannya. Maka barangsiapa (berniat) berhijrah kerana Allah dan RasulNya, baginya pahala hijrah kerana Allah dan RasulNya. Dan barangsiapa (berniat) berhijrah kerana dunia yang hendak diperolehinya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka (pahala) hijrahnya sesuai dengan niatnya, untuk apa dia hijrah.*

Bagi melihat niat amal perbuatan manusia yang melanggar peraturan *al-Sunnah* dalam pembinaan masjid, penulis akan memaparkan sebuah contoh pembinaan masjid yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w yang disebut sebagai masjid *Dirar*.

2.3.1 Masjid *Dirar* Dalam Al-Qurān

Dalam al-Qurān Allah s.w.t telah menyebutkan kisah pembinaan masjid *Dirar* yang didirikan pada zaman Rasulullah s.a.w sebagai mana firmanya:

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مسجداً ضرراً وَكُفْرَا وَتَفْرِيقاً بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَاداً
لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلِ وَلِيَحْلِفُنَّ إِنَّ أَرْدَنَا إِلَّا الْحَسَنَىٰ وَاللَّهُ
يَشَهِدُ إِنَّمَا لِكَذَّابِوْنَ.¹²⁹

¹²⁹ S. Al-Taubah : A. 107.

Terj: Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam), dan (menguatkan) keingkaran (mereka sendiri), serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sebelum itu. Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara), mereka akan bersumpah dengan berkata: Tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata. Padahal Allah menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta.

Ayat di atas telah menceritakan tentang kegiatan yang berupa percubaan sekelompok kaum munafik Madīnah yang mendirikan sebuah masjid berdekatan dengan masjid Qubā' yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w bagi tujuan memecah-belahkan umat Islam dari mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Masjid ini dikenal dengan nama *Dirār* dalam al-Qurān kerana adanya tujuan tertentu (jahat) disebalik pembinaan tersebut. Pengajur kepada pembinaan masjid ini ialah seorang pendeta Nasrani yang bernama Abu Amir al-Rahīb.¹³⁰ Masjid ini telah dibina oleh 12 orang dari kaum munafik Madīnah¹³¹ atas arahan Abu Amir al-Rahīb ini.

¹³⁰ Prof.Dr.Hamka, *op cit*, Juz. 11., hal. 3125.

¹³¹ Muhammad Ridā, *op cit*, hal. 340-341.

Abu Amir adalah seorang yang beragama Nasrani dari kabilah Khazraj dan juga salah seorang dari pendeta agama tersebut. Beliau adalah seorang yang sangat disegani oleh kaumnya kerana pengetahuannya yang mendalam tentang agama Naṣrānī. Setelah Nabi *s.a.w* berada di Madīnah dan berjaya mengembangkan ajaran Islam di kalangan penduduk Madīnah, maka beliau sangat kecewa dengan kejayaan tersebut, lalu berusaha untuk menghasut kaumnya supaya mengikut langkahnya. Kekecewaan yang sangat terasa pada diri Abu Amir ialah ketika kaum Muslimin beroleh kemenangan besar dalam peperangan Badar menentang kaum musyrikīn Makkah.

Dalam usaha beliau untuk melemahkan kekuatan Islam di Madīnah, beliau telah keluar bersembunyi-sembunyi dari Madīnah ke Mekkah bagi menghasut kaum musyrikīn Mekkah supaya menuntut balas atas kekalahan mereka di Badar itu.

Menurut riwayat Ibn Kathīr, pada waktu peperangan Uhud Abu Amir telah ikut menyertai dalam pasukan perang orang-orang Quraisy Mekkah menentang kaum muslimin Madīnah. Dalam peperangan itu beliaulah yang menggali lobang-lobang perangkap sehingga Nabi *s.a.w* terperangkap ke dalam salah satu lobang itu dan nyaris menemui maut diserbu oleh orang-orang Quraisy.¹³²

¹³² Prof. Dr. Hamka., *op cit.*, hal. 3126.

Setelah diketahui kelemahan orang-orang muslimin dalam peperangan ini, Abu Amir sempat menghasut kaumnya yang taat kepada Rasulullah s.a.w supaya belot daripada Rasulullah s.a.w. Namun begitu usaha beliau telah menemui kekagalan, kerana kaum Ansar yang dihasutnya itu mengutukinya, memaki dan menghinanya sebagai pengkhianat. Setelah menyedari kegagalan itu beliau berkata: "Demi Allah, kaumku telah sangat berubah sejak aku tinggalkan."¹³³

Sebenarnya usaha Abu Amir untuk mengagalkan dakwah Islamiah yang dianuti oleh kaumnya tidaklah berhenti di situ sahaja, walaupun kaum muslimin kalah dalam peperangan Uhud, tetapi ternyata kekalahan tersebut menjadi perangsang dan semangat kepada kaum muslimin untuk memperbaiki kekalahan tersebut pada peperangan yang akan datang, lebih-lebih lagi pemimpin mereka terselamat dari tragedi tersebut dan ini menambahkan lagi keimanan dan ketakwaan kaum muslimin kepada Allah dan Rasulnya. Menyedari akan keadaan ini Abu Amir terus berusaha untuk menjayakan cita-citanya dengan meminta bantuan dari raja Rom iaitu *Herclus Kaisar Romawi* untuk menghancurkan kekuatan Islam Madinah. Usul beliau itu telah diperkenankan oleh raja

¹³³ *Ibid.*

Rom itu dan memberi harapan bahawa satu masa nanti Madinah pesti akan diserang.¹³⁴

Dengan pengakuan raja Rom itu, Abu Amir terus menghabarkan kepada kaumnya dari kalangan Ansar yang memang sudah ada dasar munafik di dalam jiwa mereka supaya bersiap sedia dengan mendirikan satu tempat berkumpul di Madinah untuk dijadikan tempat atau markas untuk mereka menerima berita dan mengintip serta memerhatikan gerak-geri Nabi s.a.w kalau kelak dia datang kembali ke Madinah.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, maka dari sinilah punca asalnya terbinanya masjid *Dirar* sebagaimana telah disebutkan dalam al-Qurān, yang mana pembinaannya telah siap sebelum Rasulullah s.a.w berangkat ke Tabuk. Semasa Rasulullah s.a.w berada di Tabuk dan hendak kembali ke Madinah kaum Munafik ini telah mengirim utusan kepada Baginda s.a.w untuk menjemput Baginda s.a.w bersembahyang di masjid mereka sekembalinya Baginda ke Madinah nanti.¹³⁵ Jemputan dan pelawaan mereka itu bertujuan sebagai bukti jika sekiranya Rasulullah s.a.w bersembahyang di sana bererti Baginda s.a.w menyukai usaha pendirian masjid tersebut.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ Muhammad Ridā, *op cit.*, hal. 340.

Setelah kembalinya Rasulullah s.a.w ke Madinah dan dalam keadaan memikirkan untuk mempertimbangkan undangan kaum Munafik itu maka telah datang Jibrīl membawa wahyu¹³⁶ untuk menjelaskan kepada Baginda akan maksud sebenar pembinaan masjid itu dan melarang Baginda dari pergi bersembahyang ke masjid itu sebagaimana firmanya:

لَا تَقْمِ فِي أَبْدًا لِمَسْجِدٍ أَسْسَى عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوْلَى يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقْمِ
 ۚ فِيهِ فِي رَجَالٍ يَعْبُونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يَحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ.¹³⁷

Terj: *Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; Dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)..*

Ayat ini merupakan larangan tegas Allah s.w.t kepada Rasulnya supaya sekali-kali tidak bersembahyang di masjid tersebut, walaupun Nabi s.a.w telah menjanjikan untuk bersembahyang di sana sebelum berangkat pulang dari Tabuk, sebab pada waktu itu wahyu belum diturunkan.

¹³⁶ Prof. Dr. Hamka., *op cit*, hal. 3127.

¹³⁷ S. Al-Taubah : A. 108.

2.4.2 Tujuan dan Peranannya

;

Sebagaimana telah dijelaskan dalam ayat yang lalu¹³⁸, Allah s.w.t telah menghabarkan kepada Rasulullah s.a.w tentang tujuan dan hasrat nurani orang-orang Munafik Madinah membina sebuah masjid berdekatan dengan masjid Quba' yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w bersama sahabat-sahabat Baginda.

Penghabaran daripada Allah s.w.t tentang masjid ini menunjukkan telah ada percubaan pada zaman Rasulullah s.a.w sekumpulan manusia munafik yang cuba mencari pengaruh untuk memalapkan fungsi dan peranan masjid yang dibina oleh Rasulullah s.a.w di Quba'. Mereka telah mengaku dan berani bersumpah dihadapan Rasulullah s.a.w dan para sahabat dengan mengatakan tujuan sebenar mereka membina masjid tersebut ialah untuk berbuat bakti dan kebaikan kepada manusia. 

Jika di lihat kepada makna Dirār sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qurān itu bererti memudaratkan, lawan bagi memanfa'tkan.¹³⁹ Setiap sesuatu yang memudaratkan

¹³⁸ *Ibid*, A. 107.

¹³⁹ Dr.Qal'aī, Muhammad Rawās., dan Dr.Qanībī, Hamīd Sadiq., *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, Beirut, 1988., cet. i., hal. 283.

itu sudah tentu membawa kepada kebinasaan, kehancuran dan perpecahan. Yang dimaksudkan dengan masjid *Dirār* itu sebagaimana disifatkan atas pembinaannya oleh Allah s.w.t dalam al-Quran¹⁴⁰ sebagai berikut:

Pertama: Percubaan untuk membuat *dirār* iaitu bencana atau bahaya kepada umat Islam.

Kedua: Membuat kekafiran. Telah berkata Ibn ‘Abbas r.a, mereka hendak melakukan kemudaratkan kepada orang-orang Mukmin dan kekufurannya kepada Nabi s.a.w dan dengan apa yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w.

Ketiga: Memecah-belahkan di antara orang-orang Mukmin, kerana orang-orang Munafik mendakwa bahawa mereka membina masjid menunjukkan mereka bersembahyang di dalamnya, akan tetapi sebenarnya mereka tidak bersembahyang di belakang Nabi Muhammad s.a.w. Maka, jika mereka datang kepadanya dan bersembahyang bersamanya lalu mereka akan bermufaraqah (berpisah) dengannya (Nabi s.a.w) dan di antara orang-orang yang bersembahyang di masjidnya sehingga menunjukkan kepada percanggahan dan perpecahan.

¹⁴⁰ Muhammad Riḍā., *op cit.*, hal. 341.

Keempat: Tempat mengintip bagi orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya.

Dari apa yang disifatkan oleh Allah di atas itu, jelas menggambarkan tujuan dan peranan sebenar yang tersirat dalam hati orang-orang munafik itu, cuba untuk memecahbelahkan orang-orang Mukmin dari mengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w dengan mendirikan sebuah masjid sebagai pusat gerakan dan aktiviti-aktiviti mereka dalam usaha untuk menghancurkan Islam di Madinah. Di samping itu tujuan mereka mendirikan masjid juga adalah untuk menjadi agen kepada musuh-musuh Islam yang setentunya tidak senang dengan kejayaan Nabi Muhammad s.a.w membentuk kerajaan Islam yang bersatu padu, kuat dan sentiasa bertakwa kepada Allah s.w.t. Mereka mendirikan masjid bukan sebagai kubu mempertahankan Islam tetapi sebaliknya untuk memusnahkan kegiatan-kegiatan Islam.

2.4.3 Pengaruhnya

Melihat kepada tujuan dan peranan masjid *Dirar* yang diceritakan melalui firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 107 yang lalu, usaha penganjur kaum munafik iaitu Abu

'Amir untuk menhancurkan serta memecahbelahkan kaum muslimin Madinah telah mendapat sembutan dari kalangan kaum munafik Madinah, kaum musyrikin Mekah dan Raja Herclus Kaisar Romawi di Negeri Syam.¹⁴¹

Abu 'Amir adalah seorang pendita Kristian yang tidak senang dengan penyebaran agama Islam oleh Rasulullah s.a.w terhadap kaumnya, yang mana ramai daripada mereka telah menerima agama Islam dengan hati yang terbuka setelah Nabi s.a.w menetap di kota Madinah. Bahkan, beliau pernah diajak oleh Rasulullah s.a.w untuk memeluk agama Islam dengan diberikan beberapa keterangan tentang Islam kepada beliau dan dibacakan al-Quran, tetapi beliau tidak mahu menerimanya.¹⁴² Maka bermula dari sinilah beliau cuba untuk mencari pengaruh dengan menghasut kaum muslimin yang taat kepada Rasulullah s.a.w agar mengikut langkahnya dan meninggalkan agama yang mereka anuti itu. Begitu juga dalam peperang Uhud beliau telah menjadi dalang kepada kaum Musyrikin Mekah untuk menyusun strategi perang menentang kaum Muslimin Madinah sehingga kaum Muslimin kalah dalam peperangan itu dengan terkorbannya 70 orang tentera Islam.¹⁴³ Apa pun cara beliau mempengaruhi kaum Muslimin ternyata usaha beliau tidak berjaya untuk menggugat semangat kaum Muslimin dari mengikutinya.

¹⁴¹ Prof. Dr. Hamka., *op cit.*, hal. 3126.

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ *Ibid.*

Jika di lihat pengaruh dan pengikut di kalangan kaum Mislimin Madinah yang memang sudah ada dasar-dasar munafik di jiwa mereka hanyalah seramai 12 orang.¹⁴⁴ Mereka inilah yang berusaha mendirikan masjid untuk memerangkap kaum Muslimin dan Rasulullah s.a.w dengan niat mereka yang jahat sehingga Allah telah menurunkan ayat-ayat al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w sebagai penjelasan kepada kaum Muslimin akan tujuan mereka yang sebenar. Di antara firman Allah Ta'ala:

أَفْمَنْ أَسْسٍ بَنِيتَهُ عَلَى تَقْوَىٰ مِنَ اللَّهِ وَرَضُوْنَ خَيْرًا مِنْ أَسْسٍ
بَنِيتَهُ عَلَى شَفَا حَرْفٍ هَارِ فَإِنَّهُارَ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ.

Terj: *Maka apakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas dasar takwa kepada Allah dan (untuk mencari) keredaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu runtuhlah ia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberikan hidayah pertunjuk kepada orang-orang yang zalim.*

¹⁴⁴ Muhammad Rida., *op cit.*, hal. 340.

¹⁴⁵ S. Al-Taubah : A. 109.

Firmannya lagi:

لَا يَزَالُ بَنِيهِمْ الَّذِي بَنَوْا رِبْيَةً فِي قُلُوبِهِمْ إِلَّا أَنْ تَقْطَعَ قُلُوبُهُمْ وَاللهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ.¹⁴⁶

Terj: (*Keruntuhan masjid*) yang di bina oleh mereka yang munafik itu sentiasa menjadi penyakit syak dan keluh kesah (lebih daripada yang sedia ada) dalam hati mereka, (dan tidak akan habis) kecuali (apabila) hati mereka hancur-luluh (dalam tanah). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat di atas adalah merupakan persoalan yang disuruh oleh Allah kepada Rasulnya untuk menanyakan dan diajukan kepada umatnya agar mereka berfikir dengan rasional dalam membangunkan sesuatu projek atau bangunan itu supaya melakukannya dengan niat yang baik, jujur, amanah dan penuh takwa kepada Allah s.w.t, kerana Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana. Sabda Rasulullah s.a.w :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنَّ إِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَى أَعْمَالِكُمْ وَQُلُوبِكُمْ.¹⁴⁷

Terj: Sesungguhnya Allah s.w.t tidak melihat kepada rupa paras kamu, tetapi Dia melihat kepada amalan-amalan dan hati-hati kamu.

¹⁴⁶ *Ibid.*, A. 110.

¹⁴⁷ Ibn Majah., *op cit.*, bil. 4143., 2: 1388.

Hadis ini menunjukkan betapa pentingnya niat bagi menentukan kesahihan amal perbuatan di sisi Allah *s.w.t.* Menurut Imam Syafi'i dan para Ulama yang lain menyatakan bahawa hadis ini sebagai satu per tiga daripada agama Islam.¹⁴⁸ Oleh kerana itu hadis ini mempunyai hubungan yang kuat dengan firman Allah sebelumnya, yang menjelaskan dengan nyata serta membezakan kebenaran antara masjid yang didirikan oleh kaum Munafik dengan masjid yang didirikan oleh Rasulullah *s.a.w.*

Keterangan di atas juga adalah sebagai peringatan yang jelas serta menjadi garis panduan kepada kaum Muslimin akan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada masjid yang didirikan atas dasar takwa itu. Kerana masjid yang didirikan atas dasar takwa itu sudah tentu dibangunkan atas niat yang baik dan ikhlas kerana menuntut keredaan Allah *s.w.t.* Sebaliknya masjid yang didirikan atas niat memecah-belahan umat, atau untuk kemegahan diri sendiri, mencari nama, membela golongan sehingga putus hubungan tali silaturrahim samalah halnya dengan mendirikan bangunan di tepi jurang yang curam, yang membawa segala-segalanya serta pengasas-pengasasnya kepada kehancuran dan dimasukkan ke dalam neraka *Jahannam*.

¹⁴⁸ Abdul Hayei Abdul Sukor., *Ulasan dan Terjemahan Hadith 40*, Kuala Lumpur., 1995., cet.i., jil.1., hal. 4.

Imam Syafi'i dalam fatwanya yang *Qadim* mengatakan, bahawa dalam sebuah *madinah* (kota besar) adalah mencukupi didirikan sebuah masjid sahaja. Tetapi setelah beliau melihat kedudukan kota Baghdad sendiri yang mempunyai dua bahagian kota yang dipisahkan oleh sungai Dajlah, beliau pun meninjau kembali fatwanya yang lalu. Sehingga walaupun kedengaran azan di seberang sungai, kerana sukar menempuhnya dengan perahu, bolehlah mendirikan masjid di seberang satu lagi.¹⁴⁹ Manakala dalam fatwa beliau yang Jadid, setelah berpindah ke Mesir, condonglah beliau kepada pendapat di dalam kota-kota yang besar, bolehlah didirikan berbilang masjid, asalkan diatur oleh *Imām* (ketua negara).¹⁵⁰

Masjid *Dirar* yang didirikan atas niat jahat itu tidak seharusnya menjadi contoh tauladan yang baik kepada pembangunan masjid masa kini. Masjid boleh didirikan dan dibangunkan di mana-mana tempat, asalkan ianya tidak menggugat kesetabilan umat antara satu masjid dengan satu masjid yang lain, menghidupkan perpaduan dalam masyarakat dan tidak berpecah belah. Masjid *Quba'* dan Masjid Madinah adalah satu-satunya model yang terbaik sebagai asas pembinaan masjid masa kini.

¹⁴⁹ Prof. Dr. Hamka., *op cit.*, hal. 3132.

¹⁵⁰ *Ibid.*

2.5 Kesimpulan

Kajian ini mendapati, bahawa fungsi masjid menurut *al-Sunnah* adalah sebenar-benar matlamat dari pembangunan masjid. Walaupun masjid telah wujud sebelum datangnya Islam lagi, namun, konsep pembinaan masjid dalam Islam itu mempunyai tujuan dan misinya yang penting ke arah pembangunan dan perkembangan ajaran agama Islam sesuai dengan keadaan masa dan zaman. Konsep utama bagi masjid itu ialah takwa. Takwa dalam ertikatanya yang sebenar ialah mendorong manusia supaya takut kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benar takut, iaitu dengan mengerjakan perkara-perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang dan keji.

Apabila masjid dibina atas dasar takwa, maka tujuan daripada pembinaan masjid itu adalah untuk merealisasikan ketakwaan itu. Peranan dan fungsi masjid itu tidak sepatutnya dinialai atau ditafsir dengan makna yang sempit, akan tetapi ianya membawa kepada makna yang lebih luas khususnya kepada perkara-perkara kebajikan dan kesejahteraan masyarakat seluruhnya.

Melalui kajian ini, penumpuan kepada peranan dan fungsi masjid *al-Nabawī* atau lebih dikenali sebagai masjid *al-Madīnah al-Munawwarah* adalah menjadi model terbaik

dan utama untuk dijadikan teladan ke arah merealisasikan konsep takwa itu. Masjid bukan hanya tempat untuk beramal ibadat seperti sembahyang dan sebagainya, akan tetapi masjid dalam erti katanya yang luas adalah merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat yang menghubungkan antara manusia dengan Allah dan antara manusia dengan manusia atau sebagai pusat kebudayaan umat Islam. Realiti fungsi masjid yang sebenar ini, dapat di lihat dan dibuktikan dengan jayanya oleh masjid *al-Nabawi* sebagai pusat pentadbiran negara, pendidikan, ketenteraan dan *riyādah*, dewan mesyuarat, keadilan, perpaduan ummah dan sebagainya.

Dalam kajian ini juga, mengutarkan beberapa contoh masjid menurut *al-Sunnah* dan masjid yang melanggar peraturan *al-Sunnah* sebagai asas pembangunannya. Kesemua model masjid ini ditonjolkan bagi tujuan perbandingan dan pengajaran sebagai panduan untuk menghidupkan peranan dan fungsi masjid masa kini kembali kepada peranan dan fungsinya yang sebenar.